

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 195 ● 16 - 22 DISEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my/)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)



## Kerjasama pelbagai agensi sebelum musim banjir **Selamatkan gelandangan KL**

**P**ERALIHAN musim Monsun Timur Laut yang membawa hujan lebat telah membadi seluruh negara. Impak kepada masalah itu boleh mengakibatkan banjir kilat yang mampu menyebabkan kerosakan harta benda serta kematian.

Sebagai pentadbir bandar raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa menjalankan pemantauan terhadap situasi kini bagi melindungi warga kota sekali gus memastikan mereka berada dalam keadaan yang baik.

Dalam operasi khas yang dijalankan pada Jumaat lalu, DBKL yang mengetuai 119 anggota telah menyelamatkan gelandangan di beberapa kawasan tumpuan sekitar ibu kota dan menempatkan mereka di Pusat Transformasi Gelandangan, Anjung Kelana Taman Desa.

Inisiatif itu diambil bagi memberikan tempat berteduh yang lebih baik kepada golongan ini dan pada masa sama membantu serta melatih mereka keluar dari masalah tersebut.

[LAGI BERITA DI MUKA 2](#)



Lebih 1,000 pengunjung meriahkan Hari Terbuka PPK 2022

>> 9, 10 & 11



60 OKU cipta memori indah pertama kali menaiki Cruise Tasik Putrajaya  
=> 8



3 teknik urutan Sompoton Spa jadi kegilaan ramai



42 karya lukisan bertaraf antarabangsa dipamerkan di GAHUMS

>> 18

# PL seru peniaga memperbaharui lesen perniagaan sebelum 31 Disember

KHAIRUL IDIN

**P**ERBADANAN Labuan (PL) menyeru semua peniaga di Pulau Bebas Cukai itu untuk memperbaharui lesen perniagaan bagi tahun 2023 sebelum 31 Disember ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Mohd Ismail berkata pihaknya telah membuka tempoh permohonan pembaharuan lesen perniagaan bermula awal Oktober lalu dan kira-kira 47 peratus peniaga sahaja yang telah memperbaharui lesen perniagaan mereka.

Katanya, 47 peratus daripada 12,000 perniagaan itu menunjukkan peratusan peniaga yang telah memperbaharui lesen perniagaan merupakan jumlah yang agak rendah setakat hari ini.

"Kami menyeru kepada para peniaga agar segera memperbaharui lesen perniagaan mereka sebelum tarikh tutup pada



**KETUA Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL), Rithuan Ismail beramah mesra dengan peniaga pada Program Tinjauan Mesra ke Premis Perniagaan-Pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2023 di sekitar pusat bandar Labuan, baru-baru ini.**

hujung Disember ini.

"Selepas 31 Disember ini, tiada tempoh lanjutan bagi permohonan itu diberikan dan para peniaga akan dikenakan penalti sebanyak RM100 jika memperbaharui lesen per-

niagaan mereka pada 2023," katanya kepada pemberita selepas mengadakan walkabout ke premis-premis perniagaan di sekitar bandar Labuan, pada Selasa.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perlesenan PL Helmi Bali.



Mengulas lanjut, Rithuan berkata bagi melancarkan urusan permohonan pembaharuan lesen itu, pihaknya telah meringkaskan proses permohonan dengan hanya menggunakan lesen lama sahaja.

"Jika mereka masih menjalankan perniagaan yang sama seperti sebelum ini, mereka hanya perlu membawa lesen perniagaan yang lama sahaja semasa berurusan untuk mendapatkan lesen baharu di PL," katanya. **WK**

## Salurkan sumbangan untuk gelandangan di dua lokasi - DBKL

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

**D**EWAH Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjalankan operasi menyelamatkan 77 gelandangan di sekitar Masjid Jamek, Masjid India, Jejantas Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pudu, Jalan Silang dan Bangkok Bank diselamatkan pada Jumaat.

Operasi yang bermula pukul 11 malam hingga 3 pagi itu dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agenzia Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Alam Flora Sdn Bhd.

Seramai 119 anggota dan pegawai mewakili pelbagai agensi terbabit turun padang mendekati sahabat jalanan yang dikesan menghuni di kaki lima dan jejantas awam sebagai tempat tinggal mereka.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata warga kota yang ingin menyumbang makanan kepada golongan ini boleh berbuat demikian dengan menyalurkan ny ke dua pusat gelandangan iaitu Pusat Transit Gelandangan Jalan Pahang dan Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tunku.

"Warga kota boleh juga menyumbang makanan di satu pusat komuniti iaitu Pusat Pembelajaran Komuniti, Chow Kit.



**WAKIL** agensi sedang menemu bual seorang gelandangan warga emas sebelum diselamatkan dan dihantar ke Pusat Transformasi Gelandangan, Anjung Kelana.



**MAHADI** (dua dari kiri) menasihatkan wakil badan bukan kerajaan (NGO) menggunakan kemudahan Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku untuk menyampaikan sumbangan makanan kepada golongan tersebut.

"Kawal selia ini dilaksanakan bagi mengelak berlaku pembaziran dan kekotoran," katanya selepas operasi tersebut.

Kesemua gelandangan yang

diselamatkan itu akan melalui proses saringan COVID-19 sebelum dihantar ke Anjung Kelana bagi tujuan pemulihan.

**WK**

## Prasarana cadang tambah 300 bas Rapid KL

**P**RASARANA Malaysia Berhad (Prasarana) melalui Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) berhasrat menambah hampir 300 buah bas, termasuk 100 bas elektrik melibatkan peruntukan bernilai RM180 juta, pada 2024.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Mohd Azharuddin Mat Sah berkata fasa pertama penambahan bilangan bas itu hanya membabitkan perkhidmatan Rapid KL susulan permintaan tinggi dalam kalangan penduduk di ibu negara.

"Kita akan mula membuka tender pada suku pertama 2023 dan peruntukan yang disediakan juga meliputi kerja menaik taraf infrastruktur dan kabel elektrik di depoh stesen bagi proses pengecasan."

"Menjelang suku pertama 2023 Rapid Bus menyasarkan sebanyak 1,183 bas akan beroperasi setiap hari. Bilangan bas itu masih sangat sedikit jika hendak dibandingkan dengan negara mempunyai pengangkutan awam yang efisien seperti Singapura," katanya kepada Bernama.

Sebagai pembaharuan, Mohd Azharuddin berkata pihaknya akan memperkenalkan penggunaan bas elektrik terdiri daripada 45 bas mini, dengan panjang antara tujuh hingga lapan meter dan 55 bas bersaiz besar berukuran 10 hingga 12 meter.

"Jadi, melalui pembaharuan ini kita mendengar pendapat dan cadangan daripada orang ramai yang mahukan perkhidmatan bas mini dikembalikan."

"Kita lihat perkhidmatan bas mini lebih efisien kerana lebih mudah untuk bergerak melalui kawasan sibuk dan jalan sempit seperti kawasan perumahan, selain mempunyai kekerapan tinggi," katanya.

Mohd Azharuddin berkata Rapid KL pernah melakukan percubaan menggunakan bas elektrik bagi koridor Bus Rapid Transit (BRT) Laluan Sunway, dalam operasi perkhidmatan basnya di dua laluan bas terpilih selama tiga bulan bermula April sehingga 13 Jun lepas.

Dua laluan percubaan yang terlibat adalah Laluan 400: Damai Perdana ke Hab Lebuh Pudu melalui Bukit Bintang dan Laluan 650: Taman Desa ke Hab Pasar Seni menggunakan kaedah pengecasan semalam.

"Jadi, melalui hasil percubaan ini, kita yakin dapat menggerakkan 100 bas elektrik ini, selari dengan pertambahan sistem rel pada masa akan datang sekali gus menawarkan perkhidmatan yang optimum kepada pengguna pengangkutan awam," katanya. **WK**

# Golongan ulama disaran sebar dakwah dengan kefahaman dan kasih sayang

AZLAN ZAMBRY

**G**OLONGAN agamawan seperti ulama, umara dan guru agama disarankan untuk mempertahankan tradisi ilmu dan akhlak serta menyebarkan dakwah kepada umat Islam dengan nilai kefahaman dan kasih sayang.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata beliau mahu seluruh sejarah Islam dididik dengan kefahaman serta ditambah dengan kasih sayang seperti yang disarankan tokoh sarjana Islam terkemuka negara, Tan Sri Profesor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas.

"Setiap pimpinan negara sama ada Perdana Menteri mahupun menteri-menteri, tidak boleh lepas daripada kerja asas untuk

menunjukkan kasih sayang kepada orang Islam dan bukan Islam.

"Dalam kalangan fahaman Islam yang saya faham, kekuatan Islam sebenar adalah menyeluruh iaitu merentasi bukan sahaja manusia, haiwan, pohon-pohon, bukit buku dan juga bumi. Umat Islam yang seimbang adalah umat yang mempertahankan kesederhanaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucaptama Program Pertemuan Mahabbah Perdana Menteri bersama Ulama dan Asatizah di Kompleks Seri Perdana pada Ahad.

Hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Luqman Abdullah.

Jelas Perdana Menteri, konsep kesederhanaan yang mesti diamal-

kan perlu turut merangkumi sikap yang tidak terburu-buru dengan kemarahan, menjatuhkan hukuman, mengafirkan, merendahkan darjah orang lain dan memfitnah seperti yang berlaku hari ini.

"Kita mesti selamatkan keadaan dan saya ucapkan terima kasih kerana badan Islam dan golongan ulama mengambil inisiatif untuk menjelaskan keadaan sekali gus mengangkat semula martabat orang Melayu dan Islam.

"Saya yakin ia juga boleh dilakukan melalui sistem pendidikan, meletakkan anak muda yang mempunyai kefahaman jelas untuk memimpin dan telah melalui sistem sekolah agama, pondok dan tahliz dengan satu fahaman yang membina dan tidak merobohkan," katanya. WK



**ANWAR** (tengah) menerima cenderahati daripada wakil pondok pada Majlis Pertemuan Mahabbah Perdana Menteri bersama Ulama dan Asatizah di Kompleks Seri Perdana pada Ahad.



## PM seru golongan muda telaah karya besar

**PERDANA MENTERI, DATUK SERI ANWAR IBRAHIM** menyeru supaya golongan muda memupuk budaya membaca dan menelaah karya-karya besar yang dihasilkan tokoh pemikir dunia.

Menteri hantaran dalam laman Facebook peribadinya, Anwar berkata

**LUKISAN** kartun memaparkan sekumpulan individu sedang membaca karya daripada beberapa ahli falsafah.

tindakan itu bagi melawan kebebasan dan mencambah daya fikir yang kritis.

Beliau turut berkongsi sebuah lukisan yang dihasilkan kartunis legenda, Datuk Mohammad Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Datuk Lat dan turut berpendapat masih belum terlambat untuk memupuk budaya membaca.

"Terima kasih Datuk Lat. Belum terlambat untuk memupuk budaya membaca," katanya.

Lukisan kartun itu berlatarbelakangkan Pejabat Perdana Menteri dan tertera nama Anwar Ibrahim itu memaparkan sekumpulan individu terdiri daripada pelbagai bangsa yang sedang membaca karya daripada beberapa ahli falsafah dan penyair terkemuka seperti Confucius, Lao-Tze, Abu'l Fath Al-Busti dan Socrates. WK

## Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan raih Anugerah Jenama Terbaik BrandLaureate 2022

**LEMBAGA** Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) telah meraih Anugerah Jenama Terbaik BrandLaureate e-Branding untuk Fintech Islamic Perkhidmatan Kewangan, baru-baru ini.

Menurut Ketua Pengarah Labuan FSA, **Nik Mohamed Din Nik Musa**, anugerah pengiktirafan itu adalah atas sumbangan Labuan FSA ke arah kemajuan Kewangan Islam, khususnya berhubung dengan inisiatif untuk mempromosikan Labuan sebagai Islam Pusat Aset Digital (IDAC) seperti yang terkandung dalam Pelan Hala Tuju Strategik Labuan IBFC 2022- 2026.

"IDAC telah diumumkan pada Oktober 2022, menyediakan penyenaraian maya menggunakan teknologi *blockchain* untuk membolehkan pelabur global yang sedang mencari kelas aset baharu termasuk pelaburan digital patuh syariah produk, untuk menggunakan Labuan IBFC.

"Produk patuh syariah adalah dalam bentuk tawaran token sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat korporat yang ingin mengumpul dana dan mengamankan aset mereka dan ber-



**NIK MOHAMED DIN** (hujung kiri) menerima Anugerah Jenama Terbaik BrandLaureate e-Branding untuk Fintech Islamic Perkhidmatan Kewangan.

dagang di bursa," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata dalam mengejar aspirasi Labuan sebagai pusat kewangan Islam Asia, pihaknya mengeluarkan Nota Panduan mengenai Terbitan Sukuk Hijau, Sosial dan Kemampanan, yang akan dilancarkan dalam masa terdekat garis panduan berkaitan aset digital dan RAMZ (istilah bahasa Arab untuk token), untuk selanjutnya mengukuhkan tadbir urus pusat.

Katanya, ia selaras dengan Pelan Hala Tuju Strategik yang menjangkakan Labuan IBFC memainkan peranan yang lebih penting sebagai penjanaan dana dan hab pelaburan dalam ruang digital global, dengan niche dalam ESG dan patuh Syariah.

Terdahulu, beliau yang mewakili Labuan FSA menerima anugerah tersebut pada Majlis Gala Anugerah BrandLaureate 2022 yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur. WK



# Simulasi banjir WP, tingkat siap siaga bantu mangsa terjejas

AZLAZN ZAMBRY

**F**ENOMENA pemanasan global sejak kebelakangan ini banyak mempengaruhi kitaran iklim dunia dan mengakibatkan pelbagai kejadian bencana termasuk banjir dan tanah runtuh di seluruh negara khususnya di Wilayah Persekutuan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata pihaknya dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana terutamanya banjir akibat situasi yang semakin meruncing terutamanya dari segi skala dan kekerapan belakunya bencana termasuk di Wilayah Persekutuan.

"Tujuan program simulasi yang dilaksanakan pula adalah untuk meningkatkan tahap kefahaman, kepastian dan keupayaan setiap agensi kerajaan terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam aspek pengurusan bencana merangkumi elemen sebelum, semasa dan selepas bencana."

"Ini termasuklah ilmu pengetahuan dan latihan yang mencukupi supaya pasukan penyelamat dapat mengatur gerak kerja semasa berlaku bencana seperti banjir kilat, tanah runtuh, kebakaran dan apa jua bencana lain yang mengugat keamanan dan keselamatan warga Wilayah Persekutuan dengan lebih berkesan," katanya kepada pemberita selepas Program Simulasi Banjir, Majlis Keselamatan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Hadir sama, Ketua Polis Kuala Lumpur, Komisioner Polis (CP) Datuk Azmi Abu Kassim; Panglima



**ROSIDA** (tengah) mendengar penerangan mengenai keupayaan asset-asset daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang akan digunakan untuk kerja-kerja mencari dan menyelamat ketika musim banjir akan datang.

Briged Ke-12, Infrantri Malaysia, Kem Wardieburn Kuala Lumpur, Brigadier Jeneral Sani S Omar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Lumpur, Penolong Pesuruhjaya Kanan Bomba (PKPB), Nordin Pauzi.

Jelasnya, kefahaman dan kerjasama strategik di antara agensi pengurusan bencana ini akan menjadikan pengendalian bencana di peringkat Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) lebih sistematik dan terselaras.

"Inisiatif sebegini amat penting dalam memastikan tahap kesiapsiagaan pengurusan bencana di Wilayah Persekutuan berada pada tahap maksimum," katanya.

Rosida berkata Program Simulasi Banjir itu melibatkan penyertaan seramai 350 orang

peserta daripada 23 buah agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan dan melibatkan tiga lokasi iaitu Kampung Periuk, Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri Wilayah dan Dewan Sultan Sulaiman di Kampung Baru.

"Melalui pelaksanaan simulasi ini, ia juga dapat memberikan pendedahan kepada anggota penyelamat dan orang awam akan situasi sebenar dan peranan masing-masing apabila berhadapan dengan bencana di samping meminimumkan kesan bencana banjir di Wilayah Persekutuan," katanya.

Sementara itu, Mahadi berkata program simulasi ini merupakan kesinambungan kepada pengajuran Bengkel Pengurusan Bencana dan *Table Top Exercise* yang telah berjaya dilaksanakan pada 20 September yang lepas.

"Ucapan setingga-tinggi tahniah

juga diucapkan kepada pihak urus setia Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Kementerian Wilayah Persekutuan di atas usaha dan inisiatif bagi memastikan program simulasi ini dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang dirancang, dengan kerjasama rapat PDRM.

Saya juga mengalukan kehadiran para peserta program Simulasi pada pagi ini. Saya yakin, pengajuran Simulasi Banjir Field Training Exercise ini akan mencapai tujuannya dengan komitmen daripada semua pihak, terutamanya komuniti setempat.

"Pada penghujung tahun 2021, kita telah dikejutkan dengan bencana banjir yang melanda hampir semua negeri di Malaysia. Kejadian banjir ini telah menyebabkan ribuan mangsa dipindahkan ke Pusat-Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara," katanya ketika berucap merasmikan Program Simulasi Banjir, Majlis Keselamatan Negara Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Tambahnya, Wilayah Persekutuan juga turut terkesan dengan fenomena hujan lebat yang berterusan telah menyebabkan beberapa kawasan menghadapi kejadian banjir kilat dan tanah runtuh.

"Walaupun kesannya tidak seterus bandar-bandar yang lain, tetapi sudah tentu ia menjadi satu tanggungjawab bersama untuk memastikan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh ini agar ia dapat ditangani dengan cemerlang," katanya.

Menurut Mahadi, sebagai pihak berkuasa yang telah

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
azlanaziz@ayasanwp.org.my

### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
helme.hanafi@gmail.com

### WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray  
azlanwilayahku@gmail.com  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
ainiwilayahku@gmail.com

### WARTAWAN

Khairul Idin  
khairulwilayahku@gmail.com  
Deel Anjer  
deelanjer@gmail.com  
Sabrina Sabre  
sabrinawilayahku@gmail.com  
Hazirah Halim  
hazirahwilayahku@gmail.com  
Diana Amir  
dianawilayahku@gmail.com

### GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid  
lemandecaprio@gmail.com  
Mohd Affandy Annuar  
affandywilayahku@gmail.com  
Fauzi Taib  
adhamfauzi05@gmail.com

### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan  
aminwkt@gmail.com  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
syuqqreewilayahku@gmail.com

### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
fatihah@ayasanwp.org.my  
Nurul Hazwani Haslan  
nhmm8686@gmail.com

### OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi  
roslee@ayasanwp.org.my

diberikan amanah untuk menjaga dan memelihara keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat yang terlibat, pihaknya perlu pantas bertindak dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menangani isu banjir kilat dan tanah runtuh di sekitar ibu negara.

WK

## Kereta buruk: Tindakan PPj tepat

**SYABAS** Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Bahagian Pengurusan Tanah (BPT) Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang bertindak tegas menjalankan Operasi Bersepadu menunda kereta buruk dan tersadai di kawasan pentadbiran persekutuan itu baru-baru ini.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini adalah tindakan tepat untuk membersihkan pusat pentadbiran itu daripada dicemari oleh kenderaan yang dibiarakan mereput dan dalam banyak hal tidak dapat dipastikan siapa pemiliknya.

Sebelum itu PPj telah mengeluarkan notis tiga kali melibatkan 33 blok kuarters kerajaan di Putrajaya. Setelah tiada respons diterima, PPj mengambil tindakan menunda kenderaan berkenaan. Dalam operasi tersebut, lebih 31 kenderaan terbiasa ditunda.

Hakikat bahawa kenderaan tersebut diletakkan tanpa diambil peduli oleh pemiliknya menunjukkan mereka memang sengaja meninggalkan kenderaan berkenaan di parkir kuarters kerajaan. Mereka menyerahkan beban masalah kepada PPj pula untuk mengalihkan kenderaan berkenaan.

Perbuatan mereka meletakkan kereta tersadai di petak parkir menimbulkan masalah parkir kepada penghuni kuarters yang sememangnya menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta. Juga ia mencacatkan pemandangan di kawasan kuarters.

Jika dibiarakan berterusan jelas akan mencemarkan persekitaran kerana bahan besi tidak

akan reput. Malah ia akan menyebabkan risiko kemalangan yang boleh mendatangkan kecederaan apabila besi buruk itu terlenggar.

Sebenarnya bukan Putrajaya sahaja menghadapi masalah kenderaan terbiasa ini. Kawan-kawan Kedai Kopi perhatikan banyak tempat di Kuala Lumpur juga banyak besi buruk ini menjadi tunuk.

Banyak kenderaan ini diperdaya telah ditinggalkan di tepi jalan untuk tempoh lama dengan mengambil kira keadaannya yang sudah teruk. Tayar tidak ada angin, cermin pecah, badan kenderaan letek-letek. Ada yang sudah dikelilingi tumbuhan liar.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan perkara sama seperti yang dilakukan oleh PPj. Hapuskan tukun besi ini daripada mencemari pemandangan ibu negara.

Kawan-kawan Kedai Kopi cadangkan kepada PPj atau DBKL untuk bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam usaha mengenal pasti siapa pemilik kenderaan tersadai ini.

Jika dapat dikesan, mudahlah melakukan tugas seterusnya untuk memastikan mereka tidak terlepas daripada tindakan. Jangan hanya pandai membiarkan kenderaan tersadai tetapi menyerasikan kepada pihak berkuasa menanggung akibat perbuatan mereka.

Apabila dapat dikesan, kenakan kompaun kerana membiarkan kenderaan tersadai di kawasan awam. Selain itu, kenakan juga caj bayaran untuk melupuskan kenderaan tersebut, kecuali jika mereka sendiri melakukan kerja pelupusan. Mereka tidak perlu dikasihani.

## CERITA KEDAI KOPI

### Polis Kuala Lumpur hebat

**PUJIAN** dan tahniah kepada polis kontinjen Kuala Lumpur yang berjaya mencatat kadar pertuduhan tertinggi bagi kesalahan jenayah dan narkotik sepanjang tempoh Januari hingga November lalu. Sesungguhnya prestasi polis Kuala Lumpur hebat.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini menyerlahkan usaha dan komitmen bersungguh-sungguh polis Kuala Lumpur di bawah teraju ketuanya, Datuk Azmi Abu Kassim, dalam usaha memastikan ibu negara bersih daripada ancaman jenayah dan narkotik, juga jenayah komersial.

Ini juga bukti polis tidak leka dalam melaksanakan tugas melindungi warga kota khususnya. Ketika semua tidur lela atau bekerja, pihak polis sentiasa berusaha keras agar semua warga kota sentiasa hidup aman dan selesa.

Memetik kenyataan Azmi kepada media, polis Kuala Lumpur menerima lebih 400,000 laporan mengenai pelbagai kesalahan jenayah, narkotik dan komersial dari Januari hingga November. Ini satu angka yang besar dalam tempoh 11 bulan.

Yang lebih bermakna dan menyerlahkan kejayaan sebenar ialah sejauh mana aduan ini berjaya diselesaikan dan dibuat pertuduhan di mahkamah. Sekali lagi polis Kuala Lumpur membuktikan mereka berjaya menangani aduan

dengan baik berdasarkan jumlah pertuduhan di mahkamah.

Menurut Azmi, sejumlah 97 peratus aduan yang diterima oleh Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) telah membawa kepada tuduhan di mahkamah. Ini diikuti Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) sebanyak 73 peratus dan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) sebanyak 63 peratus.

Bukan mudah menyelesaikan ratusan ribu laporan diterima yang merangkumi pelbagai kesalahan di Kuala Lumpur, ibu negara dan pusat ekonomi Malaysia. Hanya dengan usaha gigih penyelesaian kes dan pertuduhan di mahkamah dapat dilakukan.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi beranggapan memang wajar polis Kuala Lumpur berbangga dengan kejayaan dicapai. Kejayaan ini juga akan menjadi pembakar semangat untuk polis Kuala Lumpur bekerja dengan lebih komited.

Kerana itu amat tepat sekali kejayaan dan semangat berpasukan dihargai. Azmi sendiri melahirkan penghargaan kepada 9,200 pegawai dan anggota polis Kuala Lumpur atas komitmen mereka mengurus semua laporan yang diterima sehingga banyak kes berjaya diselesaikan.





Sejak slogan 'orang ramai dan polis berpisah tiada', kawan-kawan Kedai Kopi berharap warga kota khususnya menjadi mata dan telinga membantu polis melaksanakan tugas. Kerjasama erat mampu membawa hasil yang diharap demikian menjadikan ibu kota tempat yang selamat dan selesa didiami.

# MEDIA WARGA KOTA

Dapatkan  
di lebih 500 lokasi

terpilih di Kuala Lumpur,  
Putrajaya dan Labuan

\* Maklumat lanjut layari: [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my) \*



# Pesta buku membudayakan ilmu

**DR SITI SURIANI OTHMAN**

**S**UNGGUHPUN ramai daripada kita yang masih tekal mengikuti perkembangan politik negara, tidak kurang juga mengalah perhatian mereka kepada acara berkaitan buku, antaranya Pesta Buku Antarabangsa Selangor yang berlangsung pada 1 hingga 12 Disember baru-baru ini.

Pesta buku anjuran Kerajaan Selangor melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Pustaka Tun Uda itu sebenarnya sudah dimulakan sejak 2006.

Sebenarnya jika dilihat secara dekat, pesta buku sentiasa menarik minat umum. Di Malaysia, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) mungkin yang paling ditunggu-tunggu. Ketika ia dianjurkan Jun lalu, PBAKL menarik kunjungan hingga 1.25

juta orang. Angka ini memberi harapan besar terhadap industri perbukuan negara, bukan hanya dari segi komersial iaitu penerbit, penulis, pengedar serta pembeli, tetapi juga minat membaca yang diharapkan menjadi budaya sekali gus pembudayaan ilmu.

Dari segi sejarah, pesta buku pertama kalinya berlangsung pada 1911 di Amerika, bertempat di perpustakaan penulis Amerika tersohor, Mark Twain. Pada peringkat awal, tujuan penganjurannya lebih bersifat individu. Ia tercetus apabila Twain mendapatkan koleksi bukunya sangat banyak dan melebihi ruang yang ada di rumahnya. Justeru, beliau mendermakan beberapa ribu naskhah bagi menubuhkan perpustakaan komuniti bertempat dalam sebuah gereja yang tidak digunakan lagi.

Menerusnya Twain melihat kepentingan untuk menubuhkan

perpustakaan bagi komuniti setempat justeru menganjurkan pelbagai program untuk meraih dana penubuhannya.

Twain bagaimanapun meninggal sebelum dapat melihat penubuhan perpustakaan yang didambakannya. Selepas perpustakaan itu ditubuhkan, maka pesta buku dianjurkan untuk penduduk tempatan.

Sejak 1961, pesta buku kemudian menjadi acara tahunan yang dijalankan di hadapan perpustakaan. Hanya pada 1974, pesta buku berkembang dan ketika itu menawarkan lebih 20,000 buah buku untuk dijual.

Di Eropah, Pesta Buku Frankfurt adalah acara seumpamanya yang terbesar. Malah, ia juga diiktiraf sebagai pesta buku terbesar dunia berdasarkan jumlah penerbit yang terbabit. Acara tahunan selama lima hari itu diadakan di

Frankfurt, Jerman membabitkan ribuan penerbit dengan urusan jual beli pelesenan hak cipta.

Oktober lalu, ia mengumpulkan 180,000 pempamer dan sekitar 93,000 pengunjung perdagangan dari seluruh dunia. Malaysia sendiri menghantarkan 80 wakil industri buku dalam acara itu.

Dari sisi lain, pesta buku juga adalah platform untuk pengunjung melihat sendiri manuskrip hebat dan jarang dapat diakses secara umum. Dalam Pesta Buku Antarabangsa Sharjah yang ke-14 pada November lalu misalnya, turut mempamerkan bahan bacaan unik dari tamadun Islam, misalnya manuskrip Al-Quran abad ke-13 yang jarang dapat dilihat umum.


Pesta buku tidak boleh dianggap hanya mempunyai tujuan komersial dan meningkat akses terhadap buku semata-mata, tetapi sebenarnya ia juga

usaha mendemokrasi ilmu dengan sistematik, memajukan tamadun tanpa syarat, mengimbau sejarah untuk nusa serta panduan mengolah hidup demi menata masa hadapan terbimbing.

**PENULIS merupakan pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia.**



PBAKL 2022 berjaya menarik kehadiran 1.25 juta pengunjung sepanjang 10 hari penganjurannya.



LEBIH 100 pempamer tempatan turut terlibat dalam pameran buku di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) baru-baru ini.

## PERSPEKTIF

# UPM terajui kelestarian kampus hijau

**SARANAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap penelitian semula Bajet 2023 dianggap wajar kerana perlunya pandangan daripada Kementerian Kewangan (MOF) serta kabinet kerajaan perpaduan yang baharu. Perdana Menteri menegaskan bahawa sebahagian besar daripada belanjawan itu boleh diterima.

Bajet 2023 yang telah dibentangkan pada 7 Oktober 2022 memperuntukkan sebanyak 10 juta ringgit untuk menggalakkan universiti awam membudayakan inisiatif kampus hijau.

Perkara tersebut adalah sangat dialu-alukan terutamanya dalam merealisasikan Agenda Pembangunan Mampan 2030 yang diguna pakai oleh Malaysia semasa diperkenalkan pada tahun 2015 oleh United Nations General Assembly (UNGA).

Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*), bukanlah sesuatu yang baru. Terdapat 17 matlamat yang digariskan merangkumi kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama.

Dalam pada itu, Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak asing kepada usaha pelestarian alam malah kejayaan UPM dinobatkan sebagai universiti terbaik di Malaysia dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2021 merupakan

bukti kukuh yang menunjukkan iltizam dan dedikasi UPM untuk menyokong dan mendukung kelestarian kampus hijau selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang ke-13 iaitu Tindakan Iklim.

Jelaslah bahawa, kesiapsiagaan dan komitmen UPM untuk

mencapai agenda kelestarian alam di peringkat universiti melalui beberapa inisiatif seperti menjayakan projek mega pertanian melalui penanaman sebanyak 10,000 pelbagai jenis pokok di beberapa lokasi strategik di sekitar kampus universiti.

Di samping itu, kerjasama dengan industri dalam program pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) bersama Tenaga Nasional Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn Bhd telah dilancarkan baru-baru ini.

Dalam usaha mencapai karbon sifar UPM telah menjalankan program kelestarian landskap UPM bersama Toyota. Penyempurnakan usaha kelestarian hijau yang juga dikenal pasti adalah aktiviti pemindahan ilmu berkaitan dengan penjagaan dan demonstrasi teknik penanaman

pokok hortikultur bersama warga universiti.

Semua inisiatif kelestarian hijau ini sangat bersesuaian dengan matlamat kelima dalam pelan strategik UPM 2021 – 2025 iaitu menekankan amalan kelestarian hijau dan juga agenda utama dalam SDGs 2030.

“UPM juga akan melancarkan TV Kampus yang diberi nama PUTRA TV di bawah kelolaan pasukan Media Kreatif, PSPK. PUTRA TV akan menjadi wadah untuk menyebarluaskan kepakaran dan kekuatan UPM kepada masyarakat luar sekali gus meningkatkan visibiliti korporat UPM”, kata Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman.

Sebagai peneraju kelestarian kampus hijau, UPM sangat komited dalam perancangan dan pelaksanaan projek dan program

kelestarian hijau di sekitar kampus dan daerah Serdang bagi membudayakan kelestarian kampus hijau selari dengan hasrat kerajaan dalam Bajet 2023. Hal ini pasti memberi impak yang besar dalam keharmonian dan kesejahteraan ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

**Tulisan daripada:**  
**Prof Madya Dr Zulhamri Abdullah**  
**Penasihat Keterlihatan**  
**Seksyen SDG dan Kampus Hijau, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat Universiti Putra Malaysia**

dan

**Yeap Ming Liang**  
**Pensyarah, Jabatan Komunikasi Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi**  
**Universiti Putra Malaysia**

# Berniaga usah susahkan orang lain

**T**ULAR di media sosial baru-baru ini mengenai sikap peniaga gerai makanan di kawasan stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Wangsa Maju meletakkan kerusi meja untuk pelanggan di laluan berbumbung pejalan kaki.

Dipaparkan juga tindakan segera Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) setelah menerima aduan. Kerusi meja tersebut disita kerana diletakkan di tempat tidak dibenarkan semata-mata demi kepentingan peniaga tetapi menyusahkan orang ramai.

Sikap tidak bertanggungjawab peniaga menyebabkan laluan awam terhalang. Memang ia cara mudah menyediakan tempat menjamu selera untuk pelanggan, maklum lantainya berturap simen dan berbumbung. Tetapi ia menyukarkan pergerakan.

Adi menyokong tindakan tegas DBKL kerana perbuatan menyalah guna kemudahan untuk awam begitu berleluasa di merata ceruk ibu negara. Asal ada ruang kosong, begitu cepat dipenuhi kerusi meja peniaga atau pemilik restoran, atau peniaga tepi jalan.

Banyak kawasan parkir sudah menjadi hak peribadi pengusaha restoran. Kerusi meja diletak sesuka hati sehingga orang ramai pula menghadapi masalah meletakkan kenderaan untuk berurus dengan bank, klinik dan sebagainya.

Kedua-dua ini lebih ketara pada petang hingga malam. Seawal pukul lima petang pekerja restoran sudah memulakan operasi menakluki parkir. Bila sahaja kereta keluar, dengan cepat diletakkan kerusi atau meja di petak parkir untuk menghalang kereta lain masuk.

Akhirnya seluruh kawasan parkir dipenuhi kerusi meja. Orang ramai yang hendak meletak kenderaan hanya terkulat-kulat menyaksikan kawasan parkir dirampas pemilik restoran. Tiada langsung rasa bersalah menyusahkan orang ramai.

Keadaan ini berlarutan sehingga hari esoknya. Adi kerap perhatikan kerusi meja tidak dialih. Orang ramai melalui mencari parkir. Pelanggan pula ramai menikmati sarapan pagi, jadi peduli apa jika kerusi meja mengganggu keselesaan. Sehinggalah hampir pukul 10 atau 11 pagi baru kerusi meja mula dialih. Petang nanti cerita sama berulang.

Perbuatan pemilik restoran ini menyalahi peraturan. Memang Adi perhatikan pihak DBKL ada menjalankan operasi menyita dan merampas kerusi meja ini. Tetapi pemilik restoran tidak takut atau serik. Pagi diangkat, petang nanti pasang lagi menggunakan set kerusi



PENGUATKUASA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita kerusi meja yang diletakkan di laluan pejalan kaki stesen LRT Wangsa Maju. Kredit: Facebook DBKL

meja lain.

Tentu sahaja penguat kuasa DBKL tidak dapat memantau sepanjang masa kerana tenaga kerja terhad sedangkan kegiatan meletak kerusi sesuka hati di atas jalan ini berleluasa di seluruh Kuala Lumpur. Mungkin orang ramai boleh membantu dengan membuat laporan.

Tindakan terbaik terhadap mereka yang terus ingkar dengan amaran dan tindakan DBKL ini ialah tidak membenarkan mereka beroperasi. Batalkan sahaja lesen perniagaan agar mereka sedar bahawa tindakan DBKL bukan main-main serta boleh dipandang ringan.

Tindakan menyita peralatan, baik yang diletak di atas petak parkir atau laluan awam seperti di Wangsa Maju itu tidak harus dilihat sebagai menyusahkan atau cuba menekan peniaga. Mereka sendiri mesti menerima hakikat apa yang mereka lakukan adalah salah.

Adi percaya pihak DBKL tidak menghalang peniaga mencari rezeki, malah orang ramai juga tiada masalah menyokong dengan menjamu selera di premis makanan mereka. Tetapi janganlah berlebihan sehingga melanggar peraturan.

Laluan berbumbung di LRT Wangsa Maju misalnya, adalah untuk kemudahan dan keselesaan orang ramai, terutama pengguna LRT. Kerana itu ia dibina kukuh, cantik dengan lantai simen dan bumbung untuk melindungi daripada hujan dan panas.

Manfaat para peniaga sesuka hati mengambil alih kemudahan ini seolah-olahnya laluan berbumbung itu milik sendiri. Jika tiada aduan dibuat dan tiada tindakan diambil, mereka akan bermaharaja lela menjadikan laluan itu sebahagian ‘warung’ mereka.

Adi rasa bukan semua peniaga bersikap degil.

## SKETSA SEMASA



**“Adi sangat tertarik dengan catatan DBKL dalam hantaran Facebook berhubung tindakan peniaga yang menutup laluan pejalan kaki di LRT Wangsa Maju—“Jika semua peraturan dipatuhi, masyarakat akan seronok dan bahagia. Bukankah kita semua mahu kehidupan selesa dan gembira? Fahami, hadam dan simpan ini di dalam hati.”**

Masih ada yang memiliki sikap bertanggungjawab mematuhi peraturan. Namun perbuatan segelintir peniaga kepala batu inilah yang memburukkan nama baik para peniaga lain.

Merujuk Facebook DBKL, pihak DBKL sedar keperluan mencari sumber pendapatan melalui bermiaga. Tetapi jangan sampai menyusahkan orang lain. Menurut catatan Facebook itu, sementara peniaga berusaha mencari rezeki, perlu juga mengambil kira kepentingan serta memastikan keselesaan orang lain, termasuk pengguna jalan raya serta pejalan kaki.

Bagi Adi, ini adalah satu hakikat yang mesti diterima oleh para peniaga. Sementara pihak DBKL tidak menghalang perniagaan, ada peraturan yang perlu dipatuhi. Peniaga mesti bertimbang rasa dan tidak hanya mementingkan diri sendiri.

Perbuatan meletak kerusi meja sesuka hati di kawasan parkir atau tepi-tepi jalan boleh menyebabkan kesesakan kerana apabila kawasan parkir dirampas, pengguna akan meletak kenderaan sesuka hati.

Begitu juga perbuatan menutup laluan di tepi-tepi, yang sering dilakukan oleh peniaga gerai, akan menyebabkan kesesakan lalu lintas kerana pergerakan kenderaan tidak lancar. Malah ia mendatangkan risiko kemalangan kepada peniaga dan pengguna jalan.

Laluan pejalan kaki jika dihalang bukan sahaja menyebabkan laluan tidak lancar, tetapi boleh menimbulkan kemarahan orang awam. Ini difahami kerana sepatutnya laluan itu untuk memudahkan pergerakan atau tempat berlindung jika hujan dan panas. Melalui laluan ini lebih selamat berbanding menyusuri jalan raya.

Dalam hubungan ini, Adi ucapan syabas kepada DBKL yang bertindak pantas atas aduan diterima. Adi berharap DBKL akan terus konsisten dengan tindakan walaupun ada pihak yang tidak senang sehingga kadangkala melibatkan

campur tangan politik. Sewajarnya biarkan Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan tanggungjawab tanpa ugutan atau pilih kasih. Orang politik jangan masuk campur atas sebab yang salah sehingga memberikan mesej yang salah kepada orang ramai.

Adakah tindakan DBKL ini memberi apa-apa pengajaran kepada para peniaga? Adakah ia memberi kesedaran kepada mereka mengubah sikap dan mengambil iktibar tidak melakukan perkara yang sama? Atau adakah hanya seperti pahat dengan pemukul? Sekali diambil tindakan berhenti, selepas itu buat lagi?

Sepatutnya kesedaran sivik dalam kalangan orang ramai, dan dalam kes ini dalam kalangan peniaga, berada pada tahap tinggi serta boleh dibanggakan. Perbuatan menyalah guna kemudahan awam masih berleluasa. Mengambil kawasan parkir atau menutup laluan awam bagi sudah menjadi tabiat semula jadi. Yang penting asalkan mudah bagi mereka. Kesahan awam tolak tepi.

Kerana itu Adi menggesa DBKL teruskan tindakan terhadap pihak yang degil. Sikap buruk ini tidak harus dibendung. Tunjukkan bahawa DBKL serius dan tidak berkompromi. Hanya dengan ini mesej dapat disampaikan dengan berkesan.

Adi sangat tertarik dengan catatan DBKL dalam hantaran Facebook berhubung tindakan peniaga yang menutup laluan pejalan kaki di LRT Wangsa Maju—“Jika semua peraturan dipatuhi, masyarakat akan seronok dan bahagia. Bukankah kita semua mahu kehidupan selesa dan gembira? Fahami, hadam dan simpan ini di dalam hati.”

**Adi—Geram dengan peniaga degil**

*Adi Fiah*

## SAJAK

### JANGAN MENYERAH

Hidup ini terlalu singkat, singkat dan entah sampai bila.

Hidup ini adalah perjalanan tidak pasti di mana pengakhiran.

Akan ku bisikan kepada angin harapan, akan ku syairkan cita dan kekuatan agar dapat ku daki puncak kejayaan.

Walau beribu onak yang datang akan ku tuju dengan senyuman demi menggapai cita dan impian.

**Misha Sophia**  
Universiti Utara Malaysia

Bantu perluas operasi sekitar KL, Putrajaya

# Lima unit trak untuk MyGrocer@Wilayah

HAZIRAH HALIM

**Y**AYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menyerahkan lima unit trak MyGrocer@Wilayah dalam usaha memastikan warga kota memperolehi barang asas pada harga yang murah.

Menurut Ketua Operasi MyGrocer@Wilayah, Abu Zaki Abu, pemberian tersebut menjadikan jumlah keseluruhan trak MyGrocer yang akan digerakkan bertambah kepada 14 buah trak.

"Lima unit trak itu adalah baki tambahan lanjutan daripada pembenaran sembilan unit trak kepada pihak MyGrocer@Wilayah pada tahun 2021 yang lalu untuk memudahkan operasi jualan



ABU ZAKI

tersebut.

"Penambahan ini secara tidak langsung membantu kami memperluaskan dan memperbaikkan lagi pergerakan operasi MyGrocer@Wilayah di kawasan perumahan sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Ia juga memudahkan pihak kami untuk bergerak ke beberapa lokasi lain bukan hanya tertumpu di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) bahkan di kuarters-kuarters kerajaan seiring sasaran untuk mewujudkan inisiatif ini ke 180 lokasi lain sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya," ujarnya.

Katanya, penubuhan inisiatif MyGrocer@Wilayah juga adalah selaras dengan agenda utama kerajaan bagi menangani kos sara



ORANG ramai beratur bagi mendapatkan barang yang dijual dengan harga murah di trak MyGrocer@Wilayah.

hidup rakyat memandangkan negara sedang mengalami keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Program MyGrocer@Wilayah memberi manfaat kepada warga kota berpendapatan rendah mendapatkan barang basah dan kering dengan harga murah

berbanding pasaran selain mempunyai lapan barang terpilih yang diberi penawaran harga bersubsidi antaranya ayam, beras dan telur.

Terdahulu, Pengurus Kanan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T),

**Info ADUAN**

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000

**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8887 7000  
Aduan : 03-8887 3000

**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852

**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

Zahrulail Abdul Rahman mewakili Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun menerima trak MyGrocer@Wilayah yang telah siap diubah suai di Bandar Sri Damansara. **WK**

## 60 OKU cipta memori indah pertama kali menaiki Cruise Tasik Putrajaya

DIANA AMIR

**B**ERSEMPENA Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) sedunia yang diraikan pada setiap 3 Disember, Cruise Tasik Putrajaya membawa seramai 60 orang OKU merasai menaiki cruise buat pertama kali.

Menurut Pengarah Kanan Jualan Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan Marina Putrajaya, Zetty Norishah Abd Razak, ia merupakan sebahagian daripada Program CSR Sightseeing Cruise Tasik Putrajaya dan PULSE Group Sdn Bhd.

"Program ini juga dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) di mana kita membawa peserta daripada Jabatan Pembangunan

GELAGAT peserta OKU ketika pertama kali menaiki Cruise Tasik Putrajaya, baru-baru ini.

Orang Kurang Upaya (JPOKU) pengiring dan urus setia," katanya.

Berkongsi tujuan utama program diadakan, Zetty berkata

selain menjalankan tanggungjawab terhadap komuniti, pihaknya mahu menunjukkan betapa pentingnya untuk menyediakan lebih banyak fasiliti buat golongan OKU.

"Ia juga bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan masyarakat sebagai tanggungjawab bersama untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada kemampuan dan sumbangsih OKU.

"Diharapkan dengan fasiliti, kemudahan mesra OKU serta perkhidmatan yang ditawarkan di sini, akan menarik lebih ramai golongan ini untuk datang dan

sama-sama merasai pengalaman menaiki cruise mengelilingi Putrajaya," ujarnya ini bukan merupakan program pertama di mana sebelum ini juga telah banyak aktiviti-aktiviti CSR yang dianjurkan pihak Marina Putrajaya terutama buat golongan OKU.

Fasiliti seperti laluan mesra OKU dan tandas yang melibatkan penggunaan kerusi roda bermula di laluan kaunter tiket sehingga menaiki cruise merupakan produk pertama di Putrajaya yang menerima pengiktirafan Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) daripada Tourism Malaysia. **WK**

## Pendapatan tahunan SPWP 2022 meningkat 47 peratus

DEEL ANJER

SATU pencapaian membanggakan apabila Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) mengalami peningkatan pendapatan tahunan 2022 yang dianggarkan sebanyak 47 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Menurut Eksekutif Kewangan SPWP, Mohd Ghafan Jalil, pembukaan semula ekonomi selepas pandemik COVID-19 memberi satu 'sinar' kepada SPWP yang juga anak syarikat kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

"Tahun ini pendapatan SPWP meningkat 47 peratus. Ini adalah hasil daripada pinjaman perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA) dan beberapa projek yang lain.

"Kalau diikutkan pendapatan SPWP meningkat daripada tahun lalu. Ini kerana, apabila

MOHD Ghafan (tiga dari kanan) bersama sebahagian tim SPWP.

negara dilanda pandemik COVID-19, rakyat diberi peluang untuk membuat penangguhan pembayaran menerusi moratorium yang ditawarkan kerajaan.

"Apabila keadaan sudah kembali seperti biasa, peminjam membayar semula mengikut jadual yang telah dipersetujui bersama. Jadi, berlakunya peningkatan pendapatan

kepada SPWP," katanya.

Mohd Ghafan juga menjelaskan, SPWP sedang giat mengutip hutang dengan peminjam agar tahap kewangan semakin stabil.

"Perancangan kami selepas ini adalah mengutip hutang yang tertangguh. Namun, kami turut melihat situasi atau keadaan mereka yang berhutang juga. Apa pun tetap ada

sesi perbincangan antara kedua-dua pihak.

"Semua sudut kami tengok dan nilai. Iyah, semua orang ada masalah, tambah pula rakyat sedang bangkit dari pandemik dulu. Antara yang kami lihat adalah masih bekerja atau tidak, mungkin diberhentikan atau sakit dan sebagainya. Kami akan mempertimbangkan semua itu sebelum meminta hutang dilunaskan.

"Kami tak boleh nak 'terjah' sahaja tanpa usul periksa. Kadang-kadang orang ni pasti ada sebab kenapa mereka tak membayar hutang. Biasalah, macam kita juga tahap kewangan naik turun.

"Apa yang kami tekankan di sini adalah masih ada budi bicara SPWP dengan mereka yang berhutang," ujarnya yang turut berharap ekonomi negara semakin stabil dan projek-projek baharu yang sedang diusahakan berjalan lancar. **WK**

### Yayasan Wilayah Persekutuan

**Lokasi:** Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

**Objektif:** Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

**Hubungi:** 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

**WhatsApp:** 019-348 3073

**E-mel:** info@yayasanwp.org.my

**Laman sesawang:** www.yayasanwp.org.my

**Anak Syarikat:** Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

**Laman sosial YWP:** Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

# RODAKOTA

16 - 22 DISEMBER 2022 . Bil 195

Wilayah Ku



Lebih 1,000 pengunjung meriahkan  
**Hari Terbuka  
PPK 2022**

**S**AMBUTAN Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) yang bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya pada 10 hingga 11 Disember 2022 diwarnai lebih 1,000 pengunjung.

Berlangsung dari pukul 9 pagi hingga 5 petang, program tersebut sarat dengan pelbagai program menarik untuk seisi keluarga.

Kemunculan Maskot Didi and Friends menggammat suasana pada hari kedua apabila kanak-kanak yang hadir teruja dengan persembahan maskot tiga sekawan yang comel tersebut.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





FOTO: AMIN FARIJ HASAN  
AINI MAWAWI

#### DARI MUKA 9

**SETELAH** dua tahun tidak dapat dianjurkan ekoran pandemik COVID-19 yang melanda negara, Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) kembali dimeriahkan dengan Hari Terbuka PPK Putrajaya 2022 baru-baru ini.

Menariknya, sepanjang dua hari dianjurkan pada 10 hingga 11 Disember 2022, ia berjaya menarik lebih 1,000 pengunjung dari segenap lapisan masyarakat yang rata-ratanya kelihatan gembira dengan aktiviti yang telah disusun.

Malah, penganjuran kali ini lebih bermakna apabila julung kali ia turut melibatkan penglibatan golongan warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan aktiviti khas yang disusun berasesuaian dengan mereka.

Menurut Penolong Pengarah

Kanan PPK, Perbadanan Putrajaya (PPj), **Nornie Masiha Ab Manan**, pihaknya cuba sedaya upaya untuk tidak meminggirkan golongan OKU mahupun warga emas.

"Ini merupakan kali ke-16 penganjuran Hari Terbuka yang mana ia bertujuan untuk mengukuhkan interaksi sosial dan hubungan baik di antara pihak PPK dan komuniti Putrajaya dengan berkonsepkan mesra pelanggan."

"Selain daripada itu, program seperti ini dapat memperkenalkan kemudahan yang disediakan dan mempromosikan lagi PPK bagi menarik lebih ramai komuniti menjadi ahli dengan pengisian program serta pertandingan berbentuk pendidikan," katanya.

Tambahnya lagi, untuk sambutan akan datang, pihaknya merancang untuk menyuntik lebih banyak lagi



NORNIE

elemen menarik agar ia menjadi program yang ditunggu-tunggu oleh lapisan masyarakat saban tahun.

"Alhamdulillah semuanya berjalan seperti dirancang dan kita menerima sambutan yang amat menggalakkan. Kita bukan sahaja

menerima pengunjung dari sekitar Putrajaya bahkan dari negeri-negeri berhampiran seperti Negeri Sembilan dan Melaka," ujarnya.

Antara pengisian sepanjang dua hari tersebut adalah Pertandingan Domino Braille, Pertandingan Karom, Pertandingan Jumanji, Program Kidtopia Craft & Workshop Activities, Persembahan Maskot Didi & Friends selain gerai pameran buku dan sebagainya.

Majlis yang bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang selama dua hari tersebut disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya

(PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan turut hadir Naib Presiden Jabatan Perkhidmatan Korporat PPj, Nik Shukri Nik Soh dan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Komuniti dan Sukan, Rosli Abdul Talib.

#### PPK WUJUD MASYARAKAT BERILMU

PUSAT Pembelajaran Kejiranan Putrajaya (PPK) mula beroperasi pada 2 Mei 2001 di Presint 8. Ia merupakan sebuah organisasi yang beroperasi di bawah pengurusan PPj yang setakat ini mempunyai 17,069 keahlian dan empat cawangan.

Ia adalah salah satu kemudahan awam yang disediakan di Putrajaya bertujuan untuk memberikan khidmat sokongan bagi mewujudkan masyarakat berilmu dan bermaklumat di Putrajaya.

Berkonsepkan sebuah tempat pertemuan dan interaksi sosial, PPK juga merupakan pusat pencarian maklumat dan pembelajaran selain

menjadi tempat pertemuan dan interaksi sosial bagi komuniti.

Menurut Nornie, fungsi PPK adalah mengadakan program-program pendidikan dalam komuniti serta melaksanakan program-program yang berpotensi untuk membina kemahiran asas dalam komuniti di Putrajaya.

"Sehingga kini PPK mempunyai empat cawangan di Presint 8, 9, 11 dan 16 yang mana waktu perkhidmatan juga telah dipanjangkan sehingga pukul 9 malam di atas permintaan yang tinggi oleh pengguna."

"Waktu kemuncak pula adalah selepas waktu persekolahan yang menyaksikan PPK menjadi tumpuan pelajar sekolah untuk mengulang kaji pelajaran dan membuat kerja sekolah."

"Selain itu pusat ini turut dikunjungi ibu bapa yang membawa anak-anak setiap hujung minggu dalam usaha untuk menggalakkan budaya membaca sejak dari kecil," ujarnya. WK



KANAK-KANAK tekun menyiapkan hasil kreativiti masing-masing di dalam pertandingan mewarna.



# Pertandingan Perpustakaan Keluarga tarik 41 buah rumah



DIANA AMIR

**PELBAGAI** aktiviti termasuk pertandingan khas memeriahkan Hari Terbuka Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Putrajaya 2022 bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya.

Menurut Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya (PPj), TPr

**Norzita Abdul Razak** buat julung kalinya pada tahun ini Pertandingan Perpustakaan Keluarga diadakan bagi memupuk dan membudayakan minat membaca secara santai di kediaman masing-masing.

"Ia juga bagi menggalakkan komuniti mengumpulkan bahan secara sistematis dan mengikut kreativiti sendiri. Sebanyak tiga kategori pertandingan diadakan iaitu Kategori Rumah Banglo, Semi D/Teres dan Pangsapuri/Apartment dengan jumlah penyertaan sebanyak 41 rumah.

"Hadiah wang tunai dan sijil penyertaan bagi setiap kategori yang



NORZITA

dipertandingkan adalah RM2,000 untuk tempat pertama; RM1,500 bagi tempat kedua; RM1,500 tempat ketiga dan RM500 bagi tempat keempat dan kelima," ujarnya menjelaskan setiap penyertaan turut mendapat saguhati RM150 beserta sijil.

Norzita berkata, Pertandingan Jom Deko Pusat Sumber Sekolah (PSS) Peringkat Putrajaya juga julung kali diadakan dan terbuka kepada semua sekolah di Putrajaya.

"Kita menerima sebanyak 14 penyertaan yang terdiri daripada sembilan buah sekolah kebangsaan dan lima buah sekolah menengah kebangsaan yang membawa objektif utama untuk memupuk semangat dan kreativiti guru serta pengawas pusat sumber dalam menjadikan PSS tempat

untuk pembelajaran serta memupuk budaya membaca kepada pelajar sekolah," ujarnya lagi.

Juara Jom Deko PSS ini membawa pulang RM1,500 diikuti naib johan RM1,000, tempat ketiga RM800 dan tempat keempat RM500 manakala bagi tempat kelima dan seterusnya hadiah saguhati berupa wang tunai RM150.



PENYAMPAIAN hadiah kepada pemenang tempat pertama Pertandingan Perpustakaan Keluarga.

Jelas Norzita, pihaknya turut mengadakan bekerjasama dengan beberapa agensi luar dalam menjayakan Hari Terbuka PPK tahun ini.

"Kami ada menjemput pihak KL Braille Resources memandangkan tahun ini sedikit kelainan dilakukan di mana program dan aktiviti yang diadakan turut melibatkan Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas," ujarnya Program Hari Terbuka PPK Putrajaya 2022 mendapat kerjasama daripada Majlis Buku, pempamer buku, zakat serta pemeriksaan kesihatan. **W.K**



ANTARA aktiviti yang dianjurkan untuk menarik penyertaan pengunjung semasa PPK berlangsung.



PELBAGAI aktiviti diadakan sepanjang Hari Terbuka PPK 2022.





DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah bersama Duta Besar Croatia, Dr Ivan Silevic dan Duta Besar Brazil, Ary Norton De Murat Quintella hadir menyaksikan perlawanan suku akhir Piala Dunia 2022 di 'big screen' Dataran Merdeka baru-baru ini.



PRESIDEN Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud turut menyertai aktiviti sukan berbasikal selepas beliau melakukan acara pelepasan Putrajaya Wetland Ride 2022 di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya.  
Foto: FARIS AZMI/Perbadanan Putrajaya



DEEL ANJER

**K**EHIDUPAN rumah tangga pasangan selebriti Bella Astillah dan Aliff Aziz sekali lagi diuji apabila mereka berdua menjadi mangsa sihir pemisah rumah tangga yang didakwa dihantar oleh seorang wanita.

Bella, 28, memberitahu dia dan Aliff dihantui mimpi buruk dan aneh. Dalam masa yang sama, sejak lebih sebulan lalu rumah tangga mereka mulai bermasalah.

"Sebenarnya terlalu berat untuk saya ceritakan. Tapi, menurut kata ustaz yang merawat, itu adalah sihir pemisah rumah tangga. Hubungan saya dengan Aliff juga jadi tak okay

## Bella Astillah, Aliff Aziz terkena sihir pemisah rumah tangga

disebabkan perkara itu.

"Saya pun ada mimpi ular. Tetapi Aliff alami mimpi yang lebih buruk seperti saya bawa balik lelaki dalam rumah dan nampak saya bergaduh dengan lembaga hitam," ujarnya.

Namun dia mengakui setelah berubat, keadaan bertambah baik selain turut bersyukur suaminya terbuka hati untuk turut serta berubat bersama-sama.

"Kalau nak diikutkan ramai pasangan yang terkena perkara

begini enggan untuk berubat. Selepas episod hitam itu berakhir, saya dan Aliff kini sedang memperbaiki diri masing-masing. Mungkin ada kekhilafan diri saya juga."

"Terima kasih kepada Aliff yang sentiasa ada di sisi saya selain sering memberikan sokongan moral. Kami perlu kuat untuk mempertahankan rumah tangga kami," katanya yang dinasihati Aliff agar tidak mencari siapa yang menghantar sihir tersebut.

Untuk rekod, Bella dan Aliff mendirikan rumah tangga pada 9 September 2016 namun berceraikan pada 16 Mei 2019 sebelum rujuk semula ketika dalam tempoh edah.

Hasil perkahwinan, mereka dikurniakan sepasang cahaya mata, Muhammad Ayden Adrean, 5, dan Ara Adreanna, 2. **WK**



## Anak sanggup bunuh ibu demi harta

**PELAKON** veteran Bollywood, Veena Kapoor dibunuuh oleh anak lelakinya dalam satu pergaduhan membabitkan soal harta.

Kapoor, 74, telah dipukul dengan teruk menggunakan kayu besbol selepas pergaduhan dengan anak lelakinya itu yang sebelum ini menetap di Amerika Syarikat.

Menurut laporan pihak berkuasa, anak lelakinya itu mengaku telah membunuh ibunya hanya disebabkan perselisihan saham melibatkan tanah bernilai RM6.4 juta.

Polis telah menahan tertuduh, Sachin Kapoor, 43, dan individu yang

didakwa bersubahat dengannya, Chhotu atau nama sebenarnya Lalu Kumar Mandal, 25, yang turut sama terbabit dalam pembunuhan tersebut.

Terdahulu, kehilangan aktres itu mulai dihidu oleh pengawal keselamatan kediaman Kapoor yang bertindak memaklumkannya kepada polis Juhu.

Difahamkan, selepas membunuh ibunya, lelaki berkenaan telah membuang mayat terbabit ke dalam sebatang sungai berhampiran daerah Raigad, Mumbai, India.

Kapoor pernah terbabit dalam drama Bhabhi yang disiarkan sekitar tahun 2002 hingga 2008.

Selain itu, antara filem lakonan Kapoor ialah Mitter Pyare Nu Haal Mureedan Da Kehna, Dal: The Gang dan Bandhan Pheron Ke.



VEENA KAPOOR



SACHIN KAPOOR

## Kenapa Iman Troye terus jadi pilihan?

**PENYANYI** yang sering dilantik sebagai wajah dan duta sesebuah produk, Iman Troye terus menjadi 'buruan' banyak syarikat.

Meskipun bersaing dengan ramai artis dan pempengaruhi, Iman Troye tetap menyerlah dan menjadi rebutan. Misalnya baru-baru ini, pelantun lagu Harum Sundal Malam ini dilantik sebagai duta produk makanan berdasarkan coklat dan bijirin jenama Nims selama setahun dalam usaha memperkenalkannya di pasaran Malaysia dan juga luar negara.

Menurut pengasas Nims, **Tengku Norhanim Tengku Othman**, Iman Troye dipilih kerana memiliki perwatakan ceria yang menggambarkan kebahagiaan apabila menikmati produk tersebut.

"Karakter itu dimiliki Iman Troye yang merupakan seorang individu yang sentiasa ceria dan periang.

"Bagi Nims, untuk kekal menjadi peneraju utama dalam pasaran, selain perlu muncul dengan kelainan variasi, duta juga memainkan peranan penting untuk memperkenalkan jenama kepada orang ramai," katanya pada majlis pelancaran produk baharu Nims iaitu Nims Crispy Choco Tub Starberry baru-baru ini.

Sementara itu, Tengku Norhanim menambah, Nims kini sudah mula menembusi pasaran Indonesia, Brunei dan juga Singapura.

Beliau berkata pihaknya juga membuka satu lagi cawangan kilang di Indonesia menjelang tahun 2023 susulan kejayaan kilang Nim's yang telah diberi pengiktirafan GMP pada November 2022.

Kata beliau, sehingga kini jenama Nim's sendiri sudah mempunyai tiga kilang di Meru, Klang sejak berada di pasaran bermula 2014.



## Selamat tinggal status duda! Ejai Aziz nikah kali kedua

**VOKALIS** Azarra Band, Ejai Aziz menekankan status duda selepas selamat diijabkabulkan dengan pasangan pilihannya, Nursyahrah Azhar pada Jumaat lalu setelah setahun menjalani kehidupan solo.

Ejai atau nama sebenarnya, **Mohd Azrizal Mohd Aziz**, 35, berazam akan memanfaatkan peluang berkahwin kali kedua ini.

"Tidak semua orang dilimpahkan nikmat untuk bertemu jodoh lebih daripada sekali. Jadi saya anggap kesempatan kali kedua ini mampu

dimanfaatkan sebaik-baiknya.

"Kami baru saja kenal pada tahun lepas. Biarlah orang kata tempoh perkenalan kami singkat, asalkan jodoh kami berpanjangan hingga ke akhir hayat itu lebih diutamakan," katanya.

Dia juga sempat berkongsi saat-saat bahagia dalam majlis persandingan yang berlangsung di rumah keluarga pengantin perempuan di Kluang, Johor selain memanjatkan rasa syukurnya ke hadrat Ilahi.

"Alhamdulillah segala puji bagi Allah, dengan sekali lafadz, kami sah

dijijabkabulkan sebagai suami isteri pada 9 Disember 2022 bersamaan hari Jumaat lepas.

"Terima kasih atas doa kalian buat kami dan juga untuk keluarga tercinta. Terima kasih kepada semua pihak atas segala urusan kelancaran majlis buat kami," katanya.

Untuk rekod, sebelum ini Ejai pernah mendirikan rumah tangga dan hasil perkahwinan terdahulu, mereka dikurniakan sepasang cahaya mata iaitu Muhamad Amie Rayyan, 6, dan Muhamad Anas Hafiy, 5.



# Tiga teknik urutan Sompoton Spa jadi kegilaan ramai



DEEL ANJER

**A**KTIVITI sehari-hari yang sibuk boleh membuatkan anda berasa letih dan tidak bersemangat. Untuk membantu kembali segar, cubalah rawatan yang ditawarkan di spa. Manfaatnya bukan hanya untuk merehatkan badan dan minda, tetapi ternyata juga baik untuk kesihatan.

Antara spa popular di Kuala Lumpur adalah Sompoton Spa@Pullman Kuala Lumpur Bangsar. Pelbagai jenis rawatan disediakan di sini dan yang paling mendapat sambutan adalah *body massage* atau urutan badan.

Menurut Penyelia Sompoton Spa, **Nevy Setianingsih**, antara keistimewaan urutan badan yang menjadi kegilaan pelanggan di Sompoton Spa adalah gabungan tiga teknik urutan yang dijadikan satu.

"Rawatan yang paling digemari pelanggan di sini adalah urutan badan. Ini kerana kami telah mencipta langkah urutan kami tersendiri yang tidak ada di tempat lain dan kerana itu ia menjadi pilihan ramai."

"Kami menggabungkan tiga jenis teknik urutan iaitu Swedish, Shiatsu dan tradisional. Ketiga-tiga teknik itu dijadikan satu. Kiranya dalam tempoh satu jam pelanggan boleh nikmati tiga jenis urutan."

"Untuk urutan badan ini, pelanggan juga boleh pilih apa rasa urutan yang diinginkan seperti lembut, keras, relaks dan sebagainya," katanya turut menjelaskan tiga teknik yang digabungkan menjadi satu mempunyai banyak kelebihan.

Tambahnya lagi, pelanggan yang pernah mengambil sesi ini pasti akan datang kembali untuk mengulanginya kerana ia sesuai dengan badan setiap orang.

"Kelebihan urutan tiga teknik ini adalah badan menjadi lebih relaks. Di sini banyak pelancong asing mendapatkan rawatan. Kebiasaannya mereka sukakan teknik yang lebih relaks bukan kuat."

"Kalau orang tempatan pula, mereka lebih suka urutan yang kuat. Lagi kuat lagi mereka suka. Bagi mereka, kalau urutan relaks tidak berbaloi," ujarnya yang sentiasa memastikan kepuasan pelanggan diutamakan.

Dia juga turut menasihatkan orang ramai agar memanjakan diri di spa dan usah terlalu berkira untuk mengeluarkan duit buat kesihatan diri.

"Penat-penat bekerja, rasanya tak salah manjakan diri di spa. Dari segi harga, tak perlu



NEVY Setianingsih (kanan) bersama Industrial Product Specialist, Dr Sara Goh.

risau kerana harga mampu milik walaupun teknik yang kami gunakan lain daripada lain," ujarnya Sompoton Spa juga menawarkan harga promosi dan diskon sebanyak 15 peratus.

Antara rawatan yang ditawarkan adalah *Signature Massage, In-Room Massage, Balance Retreat, Detoxify, Renew, Couple Spa @2 Pax, Back Relief Massage, Head Shoulder and Foot, Hydrating Facial, Anti Aging Facial, Foot Massage, Body Exfoliating* dan *Ear Candling*.

Selain itu, terdapat rawatan baharu iaitu *Detoxify* yang menggunakan *Herbal Ball* yang mana rupanya menyerupai sup bunut yang dibesarkan saiznya. Manakala di dalamnya mengandungi 42 jenis herba.

## KESIHATAN FIZIKAL, MENTAL

NEVY juga turut memberitahu, ramai pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan mereka kerana memberi kesan yang baik kepada kesihatan mental dan fizikal.

"Apa jua rawatan, pastinya akan memberi kesan yang menenangkan. Mana tidaknya, urutan badan diiringi bau-bauan harum dan suasana yang selesa dapat membuatkan tubuh dan minda berasa santai dan tenang."


"Rawatan di spa juga mengurangkan kesakitan, ketegangan otot, mengurangkan sakit belakang dan sakit kepala. Pendek kata, anda jadi lebih relaks. Dalam masa yang sama,

saya yakin ramai juga yang percaya urutan boleh meningkatkan peredaran darah.

"Spa juga mampu membersih dan mencerahkan kulit. Secara tak langsung, mereka nampak lebih muda kerana spa menggunakan produk anti penuaan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, bilik yang disediakan dilengkapi dengan pemanas atau sauna yang mana mengikut kajian bersantai secara rutin dengan sauna dua kali seminggu dapat mengurangkan risiko serangan jantung dan tekanan darah tinggi.

"Apa-apa pun, mereka yang mempunyai masalah jantung seeloknya mendapatkan nasihat doktor. Sekiranya anda mempunyai masalah tidur, cubalah rawatan kami di Sompoton Spa untuk menjadikan tidur anda lena sepanjang malam," katanya. **WK**



SOMPOTON menggunakan rawatan herbasierta memiliki ruang yang selesa dan bersih.



## INFO Sompoton Spa @ Pullman Kuala Lumpur Bangsar

Lokasi: Tingkat 4, Pullman Kuala Lumpur Bangsar

Telefon: 603 2298 1888

Operasi: Selasa hingga Jumaat (12 tengah hari hingga 10 malam), Sabtu hingga Ahad (11 pagi hingga 10 malam) Isnin (Tutup)

Promosi: Diskon 15% untuk semua perkhidmatan (1 Oktober 2022 hingga 30 September 2023)

# DAPATKAN NASKHAH PERCUMA



**JANGAN TERLEPAS EDISI BERCETAK DAN E-PAPER WILAYAH KU**

**Wilayah Ku**

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR



**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Salah siapa Palestin dijajah di tanah air sendiri?

NUR ZAHIRAH MOHD FAUZI

**B**ARU-BARU ini Perbadanan Putrajaya (PPj) menyertai bandar-bandar raya lain di seluruh dunia merayakan minggu solidariti Palestin pada 29 November lalu. Beberapa jambatan utama di pusat pentadbiran kerajaan itu dihiasi pantulan warna hijau, hitam, merah dan putih yang menggambarkan bendera Palestin.

Kalahnya Palestin di negara sendiri merupakan satu tajuk yang tidak pernah sunyi untuk dibicarakan oleh seantero dunia apatah lagi ia cukup memberi kesan kepada umat Islam khasnya.

Setiap dari kita seharusnya tahu dan memahami punca dan pengajaran yang boleh dikutip daripada tragedi yang membuatkan rakyat Palestin menjadi mangsa jajahan di tanah air sendiri.

Berbalik kepada sejarah silam, Palestin adalah sebuah negara masyarakat Arab yang terletak di kedudukan strategik Syria, Lubnan, Jordan serta di bahagian timur Lautan Mediterranean.

Keindahan dan keamanan negara tersebut terhakis sedikit demi sedikit apabila bermulanya penghijrahan kaum Yahudi yang ketika itu ditindas negara Barat terutamanya di wilayah Eropah Timur.

Kedatangan mereka membawa misi besar untuk menubuhkan negara sendiri iaitu Israel yang mana sebelum itu, Israel bukanlah berasal dari sebuah negara.

Pencerobohan mereka menjadi lebih mudah kerana dibantu Pertubuhan Zionis Antarabangsa serta pembesaran dari British yang telah pun menguasai Palestin sejurus Perang Dunia Pertama.

Pemerintahan Kerajaan Turki-Uthmaniyah yang semakin lemah sekali gus memberi kesan buruk



terhadap empayar Islam malah pengaruh Yahudi berpusu-pusu secara besar-besaran ke Palestin.

Hal tersebut menjadi titik tolak kepada keberanian Yahudi untuk 'memijak kepala' masyarakat Palestin ketika itu dengan mengajak bangsanya berjuang demi mewujudkan negara Israel.

Hubungan rapat antara pemimpin Yahudi mendapat sokongan negara Barat lain menjadikan sasaran mereka semakin jelas sehingga British mencadangkan perpecahan Palestin kepada penguasaan Yahudi dan Arab.

Sungguhpun revolusi ini ditentang hebat oleh rakyat Palestin, namun keputusan tidak memihak kepada bantahan yang disuarakan. Penentangan ini direkodkan dengan pujuhan penetapan kemasukan Yahudi hendaklah dengan

kebenaran pihak berkuasa Arab.

Namun ketetapan itu tidak dilaksanakan sepenuhnya malah hanya untuk mengaburi minda masyarakat Arab semata-mata. Semakin hari, bumi Palestin dibanjiri pendatang Yahudi dari British melepaskan naungan Palestin kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang masih mentah dalam penguasaan sesebuah negara sementara pihak Yahudi mengambil peluang membentuk kerajaan sendiri.

Pertelingkahan, ketidakpuasan hati, perebutan kuasa menjadikan bumi Palestin kucar-kacir. Malah peruntukan kawasan Yahudi bertambah luas berbanding masyarakat tempatan sendiri kerana pemilikan tanah yang diolah tanpa persetujuan sehingga tercetusnya negara Israel di atas peta dunia

Palestin hidup dengan dunia yang penuh

dengan rusuhan.

Kesannya, pergolakan Palestin-Israel tiada penamatnya. Kemenangan berpihak kepada masyarakat Yahudi Israel kerana perluasan kuasa mereka sehingga kini meliputi keseluruhan Palestin.

Kerajaan Arab-Palestin dan Yahudi-Israel kini berdiri atas pemerintahan sendiri sama seperti negara lain namun krisis peperangan merebut hak tanah air menjadi asbab yang mengganggu perkembangan kemajuan negara serta hubungan sosial generasi mereka masih pada tahap tragis.

Tidak terbilang nyawa yang melayang. Sistem pemimpin yang silih berganti tidak memberi kesan positif pada pembelaan masyarakat Arab yang teraniaya.

Namun kekejaman terhadap Palestin tetap mendapat tentangan dari negara jiran serta hampir keseluruhan dunia yang menentang perlakuan Yahudi-Zionis yang tidak berperikemanusiaan.

Secara halusnya sedarkan kita semua bahawa konflik politik hanya akan membawa kepada duka rakyat yang berpanjangan. Sama seperti bumi Palestin yang dahulunya indah kini bertukar suram.

Kita perlu mempelajari sesuatu daripada sejarah ini yang mana perdebatan kuasa adalah perkara utama yang perlu dielakkan supaya tidak berlaku perpecahan sekali gus memberi ruang kepada kuasa asing mengambil kesempatan.

Maka ingatlah sabda Nabi Muhammad SAW 'Sesiapa yang menjual tempat tinggalnya, sedangkan dia tidak mengantikan dengan rumah atau tanah yang lain, maka jual belinya tidak diberkati' – Riwayat Ibn Majah.

**PENULIS merupakan mahasiswa Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.**

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

**wilayah Ku**

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		26cm X 33cm	<b>RM7,500</b>
HALF PAGE		26cm X 17cm	<b>RM5,500</b>
QUARTER PAGE		12cm X 17cm	<b>RM4,500</b>
PANEL PAGE [INNER]		26cm X 6cm	<b>RM4,500</b>

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px <b>RM2,500</b>
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px <b>RM2,000</b>
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px <b>RM1,500</b>
	HALF PAGE 350px X 500px <b>RM1,000</b>

**50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.**

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLY HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

**YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)**  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# 42 karya lukisan bertaraf antarabangsa dipamerkan di GAH-UMS



SABRINA SABRE

**S**EBANYAK 42 karya lukisan hasil sentuhan 18 seniman dari Malaysia dan luar negara dipamerkan pada Pameran Panggilan Pulau di Galeri Azman Hasim (GAH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini.

Pameran di bawah Persatuan Seni Rupa Malaysia (PERUPA) itu telah dibuka sejak 5 Disember 2022 sehingga 28 Februari 2023.

Menurut Pengarah GAH-UMS, **Dr Mohammad Puad Bebit**, pameran bertaraf antarabangsa yang julung kalinya diadakan di galeri tersebut menjadi satu acara yang dinantikan

oleh semua peminat seni khususnya para pelukis, seniman, mahasiswa dan pelajar di Sabah.

"GAH-UMS sebagai pusat sehenti sentiasa mengadakan pameran berkala karyawan tanah air dan luar negara untuk memberi peluang kepada masyarakat tempatan menilai serta membuat rujukan terhadap perkembangan seni global."

"Peranan galeri GAH-UMS akan memberi nilai tambah kepada usaha memasyarakatkan seni visual dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah," katanya ketika merasmikan Pameran Panggilan Pulau GAH-UMS.

Tambah beliau, GAH-UMS juga akan terus memberi ruang kepada pelbagai sesi pameran karya, seminar, bengkel, pertandingan, aktiviti seni persembahan, tayangan



ANTARA karya yang dipamerkan di Pameran Panggilan Pulau.

filem dan persembahan muzik. Usaha ini diharapkan dapat

memberi info dan rujukan kepada mahasiswa serta para penyelidik

khususnya seni berelemen budaya Sabah.

"Pada pameran kali ini, kumpulan pelukis PERUPA berkongsi makna melalui pengisian naratif secara laras bahasa visual di sebuah lokasi pulau indah dengan penampilan komuniti maritim yang jauh dari hiruk-pikuk sebuah kota."

"Saya bagi pihak UMS mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua seniman yang terlibat dan seluruh ahli jawatankuasa yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan Pameran Seni Panggilan Pulau ini," ujar beliau.

Turut hadir, Setiausaha PERUPA, Ahmad Suketi Ahmad; Penasihat Persatuan Seni Visual Sabah, Cristine Gunting dan Pensyarah Kanan Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Dr Zaimie Sahibil. **W.K**

## Isteri sebak terima anugerah ijazah sarjana arwah suami

**GRADUAN** Universiti Malaysia Sabah (UMS), Allahyarham Azizan Mohd Maruf yang meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu selepas menghidap penyakit talasemia pada 25 Januari lalu, menerima Ijazah Sarjana di Majlis Konvokesyen UMS ke-24 baru-baru ini.

Suasana syahdu menyelubungi sesi terakhir Majlis Konvokesyen itu apabila isteri Allahyarham Azizan, **Shahidah Unding**, 45, naik ke pentas bagi menerima Ijazah Sarjana Keselamatan dan Kualiti Makanan mewakili suaminya.

Bercerita mengenai punca awal sakit suaminya, Shahidah berkata semenjak arwah bekerja dan menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana, beliau mengalami stres yang tinggi.

Allhyarham yang bertugas sebagai pegawai penyelidik dalam Sains Pemakanan mula mendapat simptom dan didiagnos menghidapi penyakit tersebut selepas ditugaskan berpindah ke makmal semasa tempoh pengajian sarjananya.

"Doktor mengesahkan arwah

suami menghidap penyakit anaemia (kekurangan sel darah merah) dan tidak sesuai dengan aktiviti makmal yang terdedah dengan persekitaran kimia. Namun, meskipun menderita sakit, arwah masih bersemangat untuk belajar dan sering berjaga malam bagi menyiapkan tugas.

"Arwah suami adalah seorang pekerja yang bekerja keras dan sanggup menyambung pengajian ijazah sarjana sambil bekerja walaupun sudah berkeluarga. Bagi saya, tidak ramai orang yang mempunyai semangat kuat seperti arwah," ujarnya dalam nada sebak.

Tambah penjawat awam itu lagi, usia perkahwinan yang mencecah 16 tahun dan dikurniakan seorang cahaya mata berusia lapan tahun itu menjadi penguat semangat bagi Shahidah meneruskan kehidupan dan memberikan yang terbaik untuk anaknya.

Sebagai rekod, penganugerahan Anumerta merupakan penghargaan kepada graduan yang meninggal dunia dan berjaya menyelesaikan lebih 85 peratus pengajian mereka. **W.K**



SHAHIDAH mewakili arwah suaminya bagi menerima Anugerah Ijazah Sarjana secara Anumerta di Majlis Konvokesyen UMS ke-24.

## Masalah penglihatan bukan penghalang ibu tiga anak menggenggam PhD

**WALAUPUN** mengalami masalah penglihatan iaitu mata kanan yang rosak akibat kemalangan pada 2015 tidak sesekali melunturkan semangat seorang ibu kepada tiga anak ini untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (PhD).

Menurut **Dr Fetty Shamy Lin Yahaya**, meskipun mengambil masa selama tiga tahun setengah selain berdepan dengan pandemik COVID-19 sepanjang pengajian, namun beliau bersyukur kerana dapat menghabiskan pengajian dalam bidang Pendidikan Sains di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau yang juga merupakan pensyarah di Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah berkata suami dan anak-anak adalah pembakar semangat utama untuk dirinya menggapai PhD selain doa dari rakan-rakannya.

"Pada 2017 saya mula mendaftar pengajian sambil bekerja selama tiga tahun. Namun disebabkan kekangan pandemik COVID-19, pengajian ini tersasar sedikit di mana saya terpaksa mengambil masa yang panjang berbanding dengan masa ditetapkan untuk meneruskan pengajian."

"Meskipun banyak cabaran dan halangan yang perlu ditempuh, bagi saya setiap pelajar perlu lebih kreatif untuk memastikan pengajian itu berjalan dengan lancar," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Konvokesyen UMS ke-24 baru-baru ini.



FETTY menamatkan pengajian bersama 377 graduan lain pada majlis yang berlangsung di Dewan Canselor UMS baru-baru ini.

Dalam pada itu, Fetty turut mengakui sepanjang pengajian berlangsung, beliau telah menerokai pelbagai ilmu baharu dan terbaru kerana kesusahan yang dihadapi berjaya ditempuh dengan jayanya.

"Buat mereka khususnya anak-anak yang bakal menempuh atau ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, cabaran paling besar adalah kawalan diri daripada media sosial yang mempunyai pelbagai pengaruh."

"Justeru golongan muda harus ada pengetahuan yang lebih luas bagi menepis sesuatu bahan untuk dijadikan sebagai rujukan," tambahnya.

Terdahulu, Fetty terlibat dalam satu kemalangan jalan raya di Tuaran yang menyebabkannya terpaksa menggunakan kanta mata untuk membantu penglihatan selepas mengalami kecederaan parah pada mata sebelah kanannya. **W.K**

# Labuan ke arah bandar pintar mampan dan sejahtera, 4 pelan strategik dilancarkan



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**P**ERBADANAN Labuan (PL) melancarkan Pelan Strategik Perbadanan Labuan (PL) dan Pelan Pendigitalan ICT dengan menggariskan strategi dan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 2022-2026 bagi mencapai visi menjadikan Pulau Bebas Cukai itu kearah bandar pintar yang mapan dan sejahtera.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Mohd Ismail berkata, sebanyak empat langkah bakal dilaksanakan untuk memastikan pembangunan terancang bagi menyejahterakan rakyat.

Katanya, empat pelan strategik itu meliputi penyampaian

perkhidmatan yang cekap dan berkesan, pembangunan ekonomi yang berterusan, peningkatan prasara yang berkualiti dan penyediaan perkhidmatan perbandaran yang efisien.

“Manakala Pelan Pendigitalan ICT PL 2022-2026 dihasilkan dengan visi peneraju perkhidmatan digital ke arah bandar pintar yang mampan dan sejahtera dengan misi memantapkan perkhidmatan pendigitalan ke arah tadbir urus yang lebih cekap dan efisien, mengoptimumkan penggunaan aplikasi dan perkakasan ICT di PL serta mengadaptasi teknologi semasa dan memperkasa warga PL dalam teknologi digital sejajar dengan perkembangan teknologi semasa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga PL di perkarangan Wisma



RITHUAN (dua dari kiri) bersama Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PL melancarkan Pelan Strategik PL dan Pelan Pendigitalan ICT 2022-2026 pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga PL, baru-baru ini.

Perbadanan Labuan, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perbandaran)

PL, Fadzilah Mahmud.

Tambah beliau, di samping penetapan hala tuju Pelan Strategik PL dan Pelan Pendigitalan ICT, PL

selaku agensi utama bertanggungjawab untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan fizikal Labuan.

“Usaha pembangunan ini diterjemahkan dalam rancangan ‘Blueprint Pembangunan Labuan 2030’ bagi memperkasakan dan mengukuhkan kedudukan ekonomi Labuan.

“Dokumen ini mengandungi strategi ekonomi dan spatial yang komprehensif ke arah pembangunan lestari dengan menetapkan visi menjadikan Labuan sebagai ‘Smart and Sustainable Island City,’” katanya.

Sehubungan itu, Rithuan menyeru kepada warga kerja PL agar bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan visi, misi, matlamat serta pelan tindakan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik PL 2022-2026 dan Pelan Pendigitalan ICT 2022-2026. **WK**

## Warga JPWPL jayakan Fun Run 2022

**S**EMANGAT kesukanan yang tinggi dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan menjadi mercu kejayaan pelaksanaan Fun Run Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) Tahun 2022 yang telah diadakan di Padang Majal, Kampung Pohon Batu, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid, **Kamariah Salim** berkata Fun Run JPWPL merupakan salah satu daripada aktiviti Karnival Sukan Jabatan Pendidikan Labuan yang telah dilaksanakan sejak 26 November yang lalu.

Katanya, antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Pertandingan Bola Sepak, Bola Jaring, Bola Tampar, Badminton dan Golf.

“Aktiviti ini selaras dengan

usaha kerajaan mengambil langkah yang bersepadan ke arah mentransformasi kan Malaysia kepada sebuah negara yang bersukan bukan sahaja di sekolah bahkan di peringkat jabatan sekali gus dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang cergas, aktif dan produktif,” katanya.

Kamariah berkata seawal pulak 6.30 pagi para peserta telah berhimpun di tapak perhimpunan untuk sama-sama melakukan aktiviti senam robik yang diketuai oleh Zin Tony.

Pelepasan peserta Fun Run telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Yahya Ahmad Puteh yang mewakili Pengarah JPWPL, Yusup Mohamad.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Khas menjalankan tugas Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah, Noraini

Sahbudin dan Ketua Penolong Pengarah Unit Bakat Murid, Samsul Mandisin.

Walaupun hujan, ianya tidak menghalang kira-kira 300 peserta menjayakan larian sejauh 5 kilometer itu.

Mereka terdiri daripada warga pendidikan, guru, anggota kumpulan pelaksana dan murid.

Penyampaian hadiah cabutan bertuah telah menyemarakkan lagi kemeriahkan Fun Run biarpun dalam suasana hujan.

Hadiah utama berupa basikal lipat telah dimenangi oleh Pegawai SSTP, Mohammad Firli Firzuan.

Dalam pada itu, Kamariah turut mengucapkan syabas kepada ahli jawatankuasa pengajur dan semua peserta yang menjayakan Fun Run Jabatan Pendidikan Labuan 2022. **WK**



YAHYA (barisan atas, sepuluh dari kanan), pegawai dan anggota kumpulan pelaksana (AKP) merakam gambar kenangan seusai Fun Run 2022.



RITHUAN (tengah) menyampaikan Plak Kebersihan Premis Makanan Gred A kepada wakil premis disaksikan oleh Fadzilah (hujung kiri).

## 93 premis makanan terima Sijil Tahap Kebersihan Gred A

**S**EANYAK 93 premis makanan dan minuman di Pulau Bebas Cukai itu telah menerima pengiktirafan dan Sijil Tahap Kebersihan bagi tahun 2022.

Kesemua premis itu telah mendapat pengiktirafan penilaian kebersihan gred A daripada jumlah keseluruhan 180 premis makanan dan minuman di Labuan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail**, kesemua pengiktirafan dan kelayakan setiap premis dinilai melalui Perbadanan Labuan dengan sistem penggredan premis makanan.

“Program ini adalah bertujuan untuk memastikan setiap pengusaha menjaga tahap kebersihan, penyediaan, penyimpanan, pameran dan penghidangan makanan dikendalikan secara bersih dan selamat untuk pelanggan.

“Selain itu, ianya turut memastikan persekitaran luar dan dalam premis ter-

masuk dapur serta tandas dalam keadaan bersih,” katanya semasa berucap pada Majlis Penyampaian Plak Kebersihan Premis Makanan bagi tahun 2022 di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Rithuan berkata pengendali makanan perlu bertanggungjawab agar sentiasa menjaga kebersihan kendiri termasuklah etika pemakaian kemas dan memakai pelindung rambut ketika mengendalikan makanan kepada pelanggan.

“Aspek kebersihan bukanlah sesuatu yang berkekalan sepanjang masa, justeru itu komitmen dan kesedaran daripada pengusaha dan penyedia makanan adalah perlu bagi memastikan kebersihan premis makanan di tahap yang tinggi,” katanya lagi.

Justeru itu, Rithuan berharap dengan pengajuran program itu mampu menjadi salah satu inisiatif bagi menggalakkan industri pelancongan di pulau itu. **WK**

## PERADUAN MEWARNA PM195



NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKID: .....

ALAMAT: .....

.....  
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA: .....

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

## CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM195".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 24 DISEMBER 2022.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 197.

**3** PENYERTAAN TERBAIK  
PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



## KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 193

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM193:

QALIFF WIDAD RIFAE MOHD SALLEH  
(10 tahun)  
Presint 11, Putrajaya


NUR RANIA IZZARA RASHID  
(12 tahun)  
Sekinchan, Selangor

AKEEF MIKAEL KAMARUZZAMAN  
(9 tahun)  
Wilayah Persekutuan Labuan



Karya Adik Qaliff Widad Rifae

## TEKA SILANG KATA SK195



## MELINTANG

1. Sasaran
5. Tergendala/terhenti
7. Air batu
9. Diminati/dikagumi
11. Pelik/aneh
12. Unit Sistem Antarabangsa
13. Ciri-ciri/asas pertimbangan

## KE BAWAH

1. Penting
2. Peralihan/perubahan
3. Sebuah daerah di Johor
4. Tiga dimensi
6. Kotoran
8. Kata ganti diri ketiga
9. Jimat/tidak boros
10. Huru-hara/kekacauan

NAMA PENUH: .....

UMUR: ..... NO. MYKAD: .....

ALAMAT: .....

.....  
.....

NO. TELEFON: .....

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

## CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: [wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com) dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK195".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 24 DISEMBER 2022.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 197.

**3** PENYERTAAN PALING TEPAT DAN  
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU  
AKAN MENERIMA BAUCAR  
TUNAI BERNILAI RM50.00.



## BaKaT CiLiK



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:  
[wilayahku2022@gmail.com](mailto:wilayahku2022@gmail.com)  
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.



Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK195:

NUR EZANTI WAHID  
(40 tahun)  
Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

AISHAH MOHD BUKHARI  
(39 tahun)  
Tanjung Malim, Perak

MOHD IQBAL ABDUL KARIM  
(52 tahun)  
Subang Jaya, Selangor

# Nasi Briyani Kukus Padu enak luar biasa



HAZIRAH HALIM

JARANG sekali mendengar nasi beriani dimasak secara kukus namun bagi pengusaha Nasi Briyani Kukus Padu, **Mohd Faisal Jamaludin**, 31, cara masakan tersebut adalah sisi kelainan yang dikenang olehnya.

Menurutnya kepada *Wilayahku*, nasi yang dimasak secara kukus lebih lembut dan berderai malah ia tidak berkerak selain lebih tahan lama iaitu tidak mudah basi.

"Pada mulanya, saya mendapat idea untuk memasak nasi secara kukus selepas melakukan pemerhatian terhadap jualan nasi beriani di kedai dan media sosial.

"Kemudian, saya masak dan meminta keluarga menilai. Mereka semua mengakui ia lebih sedap dan lembut berbanding nasi yang dimasak di dalam periuk.

"Selepas itu, saya mengambil keputusan memberanikan diri mengambil tempahan katering terlebih dahulu sebelum membuka gerai di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras ini," katanya yang berniaga hampir dua tahun.

Lebih menyelerakan, Nasi Briyani Kukus Padu ini turut disajikan dengan empat jenis lauk-pauk yang dimasak menggunakan resipi daripada bapanya yang berasal dari Parit Buntar, Perak.

"Menariknya, kami sediakan empat jenis hidangan yang boleh

dimakan bersama nasi beriani iaitu ayam berempah, ayam masala, kambing kurma dan daging masak hitam.

"Menu ayam masala, kambing kurma dan daging masak hitam adalah tarikan utama di sini kerana pelanggan dapat merasai sendiri kesedapan rasa pekat kuah yang menggunakan rempah-ratus istimewa dari utara.

"Lebih istimewa, kami turut sertakan air asam utara yang mana ramuan rahsianya dipelajari oleh ayah dan kesedapan itu sukar didapati di kedai lain," katanya lagi.

Pernah tular di media sosial mengatakan kuantiti nasi beriani yang di jual di gerainya sedikit. Namun Mohd Faisal tidak cepat melatah bahkan dia turut membuktikan dakwaan tersebut tidak benar.

"Kami tampil membuktikan dengan satu video menunjukkan nasi yang sudah dipek dalam bungkus dituang ke atas pinggan dan pelangan dapat lihat sendiri kuantitiinya.

"Kalau tak cukup boleh beritahu dan kami akan berikan nasi tambah berserta air asam dan papadom secara percuma. Jadi, ia lebih memuaskan pelanggan di samping dapat mengelakkan pembaziran," katanya.

Ternyata, Nasi Briyani Kukus Padu mendapat sambutan mengalakkannya daripada pelanggan di kawasan sekitar Cheras termasuk pengunjung luar dari Shah Alam, Johor dan Melaka.

"Hari pertama kami mula meniaga di tepi jalan, kami sediakan makanan

untuk 100 pek sahaja dan tidak sangka hari kedua dan seterusnya bertambah sehingga mencapai 700 hingga 800 pek sehari.

"Pada hujung minggu pula, sebanyak 2,000 pek terjual dalam masa sehari merangkumi 10 cawangan di sekitar Lembah Klang," katanya yang mampu mencapai keuntungan sebanyak RM50,000 sebulan.

## PERCUMA BUAT WANITA MENGANDUNG

SEMENTARA itu, Nasi Briyani Kukus Padu turut menawarkan harga promosi pada setiap Jumaat yang mana setiap pembelian lima set nasi akan mendapat satu set nasi percuma.

"Promo pembelian set nasi pada hari Jumaat ini bermula sekitar pukul 11 pagi hingga 1 petang. Pelanggan hanya boleh mendapatkan promosi ini di tiga cawangan iaitu Bandar Tun Hussein Onn, Taman Melawati dan Hulu Langat.

"Pelanggan boleh datang ke cawangan tersebut dan memilih jenis menu yang terdapat di gerai. Bagi wanita mengandung pula, mereka akan mendapat satu set nasi percuma," ujarnya. **WK**



## Lokasi Cawangan Nasi Briyani Kukus Padu

Nasi Briyani Kukus Padu HQ, Jalan Suakasih, Bandar Tun Hussien Onn, Cheras (011-2713 1322)

Nasi Briyani Kukus Padu LV BTHO, Jalan Suarasa 8/4, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras (011-2118 8425)

Nasi Briyani Kukus Padu Melawati, Taman Melawati, Ampang Jaya (011-2713 1322)

Nasi Briyani Kukus Padu Hulu Langat, Jalan Lagenda Suria 1, Taman Lagenda Suria, Hulu Langat (011-2713 1322)

Nasi Briyani Kukus Padu, Jalan Pantai Murni 6, Pantai Dalam, Kuala Lumpur (018-246 4691)

Nasi Briyani Kukus Padu Kajang (012-533 5712)

Nasi Briyani Kukus Padu Dengkil (011-1225 0241)

Nasi Briyani Kukus Padu Salak Tinggi, Jalan 7, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang (017-239 9225)

Nasi Briyani Kukus Padu Dmanz, Jalan Jenaris, Taman Jenaris, Kajang (013-366 2382)

Nasi Briyani Kukus Padu Pelangi 2, Taman Pelangi, Semenyih 2 (018-238 9606)

Nasi Briyani Kukus Padu Maxim Sentul, Maxim Citylight Sentul, Jalan Sentul Perdana (011-3097 2533)

Nasi Briyani Kukus Padu Bandar Baru Bangi, Jalan 7/7C, Bandar Baru Bangi (011-2124 1325)

Nasi Briyani Kukus Padu Kota Warisan, Jalan Warisan Sentral 1, Sepang (011-3992 2924)

Nasi Briyani Kukus Padu Putra Perdana, Jalan Putra Perdana 5D, Puchong (017-436 0323)

Nasi Briyani Kukus Padu BSP, Persiaran Mahkota 1, Bandar Seri Putra, Kajang (018-262 6018)

Nasi Briyani Kukus Padu Bukit Mewah, Persiaran Bukit Mewah 3, Taman Bukit Mewah, Kajang Utama (016-354 7035)

Nasi Briyani Kukus Padu Nilai, Kawasan Perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan (018-376 6136)



14 cawangan Nasi Briyani Kukus Padu sering mendapat sambutan dan tarikan orang ramai terutama pada hujung minggu (Jumaat hingga Ahad).

# 400 peserta berkayuh di Putrajaya Wetland Ride 2022



SABRINA SABRE

**F**ENOMENA sukan berbasikal dalam kalangan masyarakat semakin meriah kebelakangan ini. Bukan sahaja memilih jalan raya sebagai laluan berbasikal bahkan mereka juga turut mengambil kesempatan berbasikal di taman rekreasi.

Putrajaya merupakan salah satu lokasi pilihan dalam kalangan peminat sukan berbasikal kerana laluannya yang mesra basikal serta keindahan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan itu sendiri.

Merancakkan lagi suasana tersebut, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) tampil mengadakan Program Putrajaya Wetland Ride (PWR) 2022 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya, baru-baru ini.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, penganjuran PWR kali ini berjaya menghimpunkan seramai 400 peserta yang melibatkan



PESERTA PWR 2022 bersemangat memulakan kayuhan di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya baru-baru ini.

jarak kayuhan sejauh lima kilometer (km) dan 15 km.

Kayuhan tersebut bermula dari Padang Semarak melalui laluan Jalan Tar dan off road di sekitar Taman Wetland Putrajaya yang berkeluasan

197.2 hektar," katanya.

Tambah beliau, program yang bermula dari pukul 7 pagi hingga 11 pagi tersebut bertujuan untuk memperkenalkan taman-taman awam di pusat pentadbiran kerajaan.

"PWR adalah berkonsepkan fun ride dan dalam masa yang sama kita dapat membawa peserta mengenal dengan lebih dekat lagi taman di sekitar Putrajaya khususnya Taman Wetland.

"Di sini merupakan salah satu lokasi pilihan untuk penganjuran aktiviti terkawal bagi sukan basikal. Dalam masa yang sama, sukan ini diadakan bagi memberi pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan alam dan ekosistem wetland," ujar beliau.

Dalam pada itu, Fadlun berkata PWR 2022 juga akan memberikan pengalaman baru kepada pengunjung untuk menikmati keindahan 24 sel-sel wetland, keunikan alam persekitaran, reka bentuk serta karakter landskap, flora dan fauna yang terdapat di taman tersebut.

"Melalui program seperti ini juga ia secara tidak langsung akan mempromosi trek berbasikal off road yang unik di Taman Wetland. Ia juga untuk menggalakkan orang ramai mengamalkan budaya hidup sihat dan meningkatkan kecerdasan fizikal, mental serta memberi keseronokan kepada para peserta," tambahnya.

Lebih menarik, selain mendapat medal dan T-shirt, PPj juga turut menyediakan 60 cabutan bertuah berupa basikal berserta aksesori dan pelbagai hadiah menarik kepada peserta bertuah. **W.K**

## Orkid Vanda Hookeriana

**MEKAR.** Orkid Kinta Weed atau Vanda Hookeriana merupakan salah satu spesies tumbuhan semi akuatik yang ditanam di Wetland Putrajaya.

Mempunyai daun panjang dan runcing seperti jarum serta bunga berwarna ungu terang, spesies ini boleh mencapai ketinggian sehingga lapan kaki.

Meskipun tumbuhan epifit ini diancam kepupusan, namun ia hidup subur di sel Wetland Upper West 3 Putrajaya bersama bakong (Hanguana Malayana).

Sumber: Facebook Perbadanan Putrajaya.



ORKID Vanda Hookeriana hidup subur di sel Wetland Upper West 3 Putrajaya.

## Kejohanan catur tarik minat pemaja di Putrajaya

DIANA AMIR

**CATUR** merupakan permainan yang memerlukan fokus dan strategi yang teliti untuk mengalahkan pihak lawan. Malah pelajar yang hebat dalam permainan ini dikatakan bijak dalam pelajaran.

Ia dapat menyokong pengembangan kemahiran berfikir aras yang lebih tinggi, seperti daya penyelesaian masalah, membuat keputusan, berfikir kritis dan kreatif.

Justeru itu, Jabatan Belia Dan Sukan Putrajaya bersama Kelab Catur Putrajaya telah menganjurkan Kejohanan Catur 1000 Liga Putrajaya (U12) bertempat di Pusat Latihan Traju Team (ChessMaths Training Centre), Presint 15, Putrajaya.

Menurut Presiden Catur Putrajaya, **Firdaus Ismail**, penganjuran tersebut dilaksanakan bagi menarik lebih ramai kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah untuk mengenali permainan catur serta menyertai kelas yang diadakan.

"Catur kini sudah menjadi salah satu permainan yang semakin diminati oleh golongan kanak-kanak. Peserta dapat mengukur pencapaian mereka selain terlibat secara aktif dalam kelas yang dianjurkan," katanya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut tentang kejohanan tersebut, ia merupakan kali pertama diadakan secara bersempena di bawah Pusat Latihan Traju Team selepas pandemik COVID-19.

"Tahun ini sedikit kelainan dilakukan di mana saya menggalakkan peserta terlibat untuk datang berbusana sewaktu hari pertandingan dan busana terbaik akan memenangi hadiah berupa hamper dan wang tunai."

"Alhamdulillah, ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana

kanak-kanak yang datang memakai busana tradisional dan ada juga yang mengenakan kostum seperti Captain America dan Mario," ujarnya peserta yang terlibat berumur lingkungan lima hingga 12 tahun.

Dia yang juga merupakan Pengurus Pasukan Catur Malaysia berkata kejohanan ini juga merupakan platform bagi mencari pelapis pemain catur Malaysia.

"Putrajaya merupakan sebuah bandar elit di mana ibu bapa dan komuniti di sini ramai yang berpendidikan tinggi dan ia juga selari dengan matlamat permainan catur iaitu sukan untuk golongan pemikir.

"Saya berharap lebih ramai ibu bapa berminat untuk menghantar anak mereka menyertai kelas catur. Sukan ini banyak memberi manfaat dan membantu pembelajaran," ujarnya.

Terdahulu, seramai 10 pemenang pertandingan membawa pulang hadiah berupa wang tunai, medal dan sijil manakala lima lagi peserta mendapat wang tunai dan hamper dalam kategori busana terbaik.

Putas Latihan Traju Team menyediakan kelas catur seawal usia empat tahun. Bagi yang berminat untuk menyertai, boleh menghubungi talian **017-694 1350** untuk maklumat lanjut. **W.K**



SUASANA sewaktu Kejohanan Catur 1000 Liga Putrajaya (U12) yang menghimpunkan kira-kira 200 orang.

Boling padang hilangkan tekanan

# Suraiya fokus cemerlang dua bidang

SABRINA SABRE

**T**EKNAN yang tidak diuruskan dengan baik mampu menjelaskan faktor kesihatan. Disebabkan itu, kita disaraskan menjadikan aktiviti sukan sebagai rutin bagi menghilangkan tekanan.

Mengakui kebenaran tersebut, atlet boling padang Wilayah Persekutuan, **Nurul Husna Suraiya Yunus**, 17, berkata boling padang mempunyai keistimewaan tersendiri yang dapat menghilangkan tekanan apabila individu tersebut fokus ke arah sasaran.



"Kita akan terlupa tentang masalah yang dihadapi untuk seketika. Ia merupakan satu teknik melepaskan geram seiring dengan balingan selain membuatkan otak kita sentiasa berfikir untuk mencari strategi permainan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Atlet kelahiran Labuan yang bergiat aktif hampir lapan tahun dalam sukan boling padang ini juga mula mengintai peluang

untuk menyertai skuad boling padang negara demi masa hadapannya.

Malah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan St Anne Labuan ini juga meletakkan harapan tersebut sebagai penanda aras dalam arena sukan yang dicintainya sekali gus akan sentiasa meningkatkan usaha dari semasa ke semasa sehingga menjadi atlet terbaik.

"Saya pasti bukan saya sahaja yang ingin bergelar pemain negara tetapi setiap atlet sudah semestinya bercita-cita untuk berada di tahap tersebut. Kalau boleh

saya ingin mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Pada masa sama, saya ingin membanggakan warga Labuan seperti salah seorang atlet Labuan yang juga merupakan pemain boling padang wanita negara, Nur Ain Nabilah Tarmizi. Dia bukan sahaja berjaya dalam sukan bahkan seorang pelajar yang bijak.

"Perjalanan dalam bidang

## Pencapaian Husna Suraiya

2022 - SUKMA XX - Women Fours - Emas

2022 - Karnival Bakat Sukan Labuan - Emas

2019 - 6th Japan International Open Lawn Bowls Tournament - Emas

2018 - 10th Bimpnt-Eaga Friendship Games - Emas



SURAIYA ketika beraksi pada SUKMA XX September lalu.

sukan ini masih panjang namun tiada yang mustahil untuk dicapai," ujar pemenang pingat emas kategori berkumpulan dalam Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

Bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada Mac tahun hadapan, pelajar jurusan Pendidikan Seni Visual ini pandai membahagikan masa di antara pelajaran dan bidang sukan.

"Kebiasaannya latihan adalah sebanyak empat kali seminggu, jadi saya akan menggunakan

waktu-waktu terluang untuk mengulang kaji pelajaran dan mengikuti kelas tambahan sebagai persediaan SPM.

"Selain mengutamakan

pelajaran, saya juga mementingkan sukan boling padang kerana ia mempunyai masa hadapan yang cerah," ujar anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini. **WK**

# Tiga badang negara mungkin tidak sertai Sukan SEA Kemboja

**P**RESIDEN Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM), **Datuk Ayub Rahmat** memberikan bayangan bahawa tiga badang negara, berkemungkinan tidak akan menyertai Sukan SEA Kemboja 2023, sebaliknya akan memberi tumpuan menyertai kejohanan yang menawarkan mata kelayakan ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Beliau berkata tiga atlet berkenaan, melibatkan dua pemenang pingat emas Sukan Komanwel Birmingham 2022 Mohamad Aniq Kasdan dan Muhammad Aznil Bidin, serta pemenang pingat perak Muhammad Erry Hidayat pada temasya yang sama.

"Tahun hadapan PABM akan tumpukan kejohanan bagi kelayakan ke Sukan Olimpik Paris 2024, namun tahun hadapan juga ada Sukan SEA di Kemboja, maka kita kena buat pilihan."

"Atlet yang pergi ke kelayakan Olimpik kemungkinan tidak akan dihantar ke Sukan SEA, kerana ada kejohanan mengumpul mata kelayakan di Korea Selatan yang agak sama tarikhnya," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Ayub bagaimanapun masih berteka-teki mengenai barisan skuad angkat berat

yang akan menggalas cabaran negara pada temasya sukan berprestij di Asia Tenggara itu, namun akan sentiasa memastikan atlet yang dipilih menyertai Sukan SEA Kemboja sudah bersedia dari segi fizikal dan mental.

Sementara itu, beliau bangga dengan pencapaian atlet angkat berat negara sepanjang musim 2022 di pelbagai kejohanan antarabangsa.

"Penilaian atlet ke Kemboja akan berdasarkan kepada Kejohanan Kebangsaan dan kita akan tetapkan pencapaian yang mereka harus capai, hanya apabila mereka capai sesuatu angkatan dari situ mereka layak ke Sukan SEA."

"Sebelum ini, kita ada lapan atlet (termasuk Mohamad Aniq, Muhammad Aznil dan Muhammad Erry), lagi lima atlet kita akan buat penilaian sekiranya mereka layak dan atlet pelapis juga akan kita perhatikan. Mungkin mulai tahun hadapan baru kita akan lihat prestasi dan kelayakan mereka," katanya.

Pada Sukan SEA ke-31 di Hanoi, Vietnam, Mei lepas menyaksikan Mohamad Aniq

berjaya membawa pulang pingat gangsa acara 55 kilogram (kg), manakala Muhamad Aznil merangkul perak kategori 61kg dan Muhammad Erry terpaksa berpuas hati

dengan gangsa bagi kategori 73kg lelaki.

Sukan SEA edisi ke-32 di Phnom Penh, Kemboja akan berlangsung dari 5 hingga 17 Mei tahun hadapan. - **BERNAMA**



## ONLINE CHESS WORKSHOP FOR SCHOOL HOLIDAYS

Recommended For Lichess 1500-2000

FEE  
RM 60 for 3 Days  
RM 25 for 1 Session



16 DEC 2022

17 DEC 2022

18 DEC 2022

### DAY 1: END-GAME FUNDAMENTALS

- Grind your opponent with good endgame technique
- Basic rook and pawn ending

### DAY 2: EXCHANGING PIECES

- Decision whether to exchange or avoid exchange pieces
- Exchange sacrifice

### DAY 3: BUILDING AN OPENING REPERTOIRE

- Know your character and playing style
- Choose an opening that suits your style



Master Instructor:

**ABDULLAH CHE HASSAN**

- ★ Highest FIDE Rating 2158
- ★ Kelantan State Closed Champion 2022
- ★ No. 6 Malaysia Chess Championship 2022

Contact: Cik Nisa  
+60 13 827 3874  
for Registration & Enquiries



## JPJ WPKL gempur kenderaan perdagangan lebih muatan

SABRINA SABRE

**J**ABATAN Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) tidak akan berkompromi dengan pemandu dan pemilik kenderaan perdagangan yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya terutama berkaitan dengan kesalahan membawa barang lebih muatan.

Menurut JPJ WPKL, penguasaan ini diadakan secara menyeluruh di negeri tersebut untuk memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna di jalan raya.

"Pihak kami telah menguatkuaskan pelbagai kesalahan terhadap kenderaan perdagangan yang gagal mematuhi Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987, Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 serta Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010.

"Penguasaan secara berfokus dan berterusan dilaksanakan adalah untuk memastikan pemandu dan pengusaha kenderaan perdagangan mematuhi peraturan serta undang-undang yang telah berkuat kuasa," katanya menerusi satu hantaran di Facebook pada Rabu.

Tambahnya, sepanjang penguasaan yang telah dilaksanakan baru-baru ini, pelbagai kesalahan lalu lintas dan teknikal di samping kesalahan membawa lebih muatan melebihi had yang dibenarkan di bawah Seksyen 57(1)(b)(vi) APAD



**SEKATAN jalan dilaksanakan bagi mengesan kenderaan perdagangan dan pemandu yang membawa muatan berlebihan.**

2010 serta kesalahan di bawah Kaedah 89 MV (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 telah diambil tindakan.

"Antaranya adalah penggunaan telefon bimbit semasa memandu; membawa muatan secara berbahaya; membawa kayu penyendal secara tidak selamat; tidak lesen memandu dan Lesen Memandu Kenderaan Barang (GDL) serta Perakuan Pemeriksaan (disk) Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) yang telah tamat tempoh.

"Selain itu, antara kesalahan yang turut dikenakan tindakan adalah melibatkan kesalahan teknikal seperti ubah suai kenderaan tanpa

kebenaran; tayar haus berlebihan; lampu brek dan isyarat tidak berfungsi," katanya.

Sehubungan itu, JPJ WPKL memaklumkan penguasaan ini dilaksanakan adalah bagi memastikan pemandu dan pengusaha kenderaan perdagangan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah berkuat kuasa.

"Tindakan ini juga dikuatkuasakan bagi memastikan mana-mana syarikat kenderaan perdagangan yang membawa barang muatan tersebut menggunakan kenderaan selamat di jalan raya di samping mengurangkan kadar kemalangan membabitkan negeri tersebut," jelasnya. **WK**



**83 warga asing yang didapati bekerja secara tidak sah di tahan bagi membantu siasatan JIM.**

## 83 pati ditahan dalam Operasi Tapak Binaan

**SERAMAI** 83 warga asing berjaya ditahan dalam Operasi Bersepadu Tapak Binaan di dua tapak binaan di Bandar Seri Permaisuri dan Bandar Tun Razak baru-baru ini.

Operasi yang dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu melibatkan 76 pegawai dan anggota dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terbabit dalam operasi itu.

DBKL dalam kenyataan baru-baru ini mengeluarkan empat notis manakala PDRM melakukan pemeriksaan keselamatan.

Jabatan Imigresen menangkap 83 warga asing kerana kesalahan berkaitan bukan warga negara yang bekerja secara tidak sah. **WK**

## Biarpun sakit, Wings tetap memukau

DEEL ANJER

**KUMPULAN** legenda rock Malaysia, Wings tetap berjaya memukau penonton dalam Konser Wings Ceritera Rakyat di Dataran Petaling Jaya, meskipun kesihatan tidak mengizinkan.

Wings dipilih sebagai artis penutup Festival Folklore Antarabangsa 2022 (PJ Folklore 2022) yang berlangsung selama enam hari bermula 28 November dan berakhir 3 Disember lalu.

Awie dan anggota Wings yang ditemui sejurus konser memaklumkan mereka diserang sakit sebaik tiba dari Tanah Suci Makkah beberapa hari sebelum itu.

"Kami cukup teruja kerana pihak Majlis Bandaraya Petaling

Jaya (MBPJ) sudi mengundang kami untuk turut serta dalam festival berbentuk kebudayaan kepada masyarakat, apalah lagi ia diadakan secara percuma.

"Walaupun tidak berapa sihat, demi janji yang dibuat dengan Datuk Bandar, maka kami laksanakan. Ini adalah amanah dan perlu digalas kami semua."

"Apa yang lebih membuat kami tersentuh adalah peminat tidak berganjak untuk terus menyaksikan persembahan kami meskipun hujan lebat," katanya.

Manakala Datuk Bandar MBPJ, **Mohammad Azhan Md Amir** pula berkata, pihaknya bersyukur kerana Wings menjadi daya penarik kehadiran ramai peminat pada malam terbabit.

"Ini adalah manifesto kasih sayang kami kepada seluruh penduduk Petaling Jaya. Walaupun hujan peminat tetap menunggu Wings kerana ingin menyaksikan persembahan mereka," kata beliau.

Pada acara pembukaan konsert, Wings yang dianggotai oleh Datuk Awie (vokal), Eddie (bass), Black (dram), Syam (gitar) dan Edrie Hashim (gitar) tampil dengan lagu pertama, Peronda Jaket Biru dan diikuti Jumba Hilang.

Memandangkan masa agak terhad, Wings segera menyampaikan lagu-lagu seterusnya iaitu Biarkan Berlalu, Bernafas Dalam Lumpur, Romania, Lipas Kudung dan Sejati.

Seperti biasa, Awie tidak menghampakan permintaan



**WINGS berjaya menghiburkan lebih 10,000 peminat yang hadir.**

peminat yang mahukan lagu bonus sebagai penutup dengan memilih menyampaikan lagu Harapan sekali gus meninggalkan kenangan manis buat kira-kira 10,000 peminat yang hadir.

Pelancaran PJ Folklore 2022 disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Dan Orang Asli Negeri Selangor, Hee Loy Sian. **WK**